



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KEDAH**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
SARJAN ROSLI BIN JAAFAR  
POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM MENGHADAPI  
AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA**

**DISEDIAKAN OLEH:**  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
(2015180281)  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM  
(2015139837)

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER MAC 2017- JULAI 2017**

## ISI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>ABSTRAK</b>	1
<b>PENGHARGAAN</b>	2
<b>SENARAI SINGKATAN PERKATAAN</b>	3
<b>BIODATA</b>	
<b>BIODATA PENEMURAMAH</b>	4-6
<b>BIODATA PENCERITA</b>	
<b>PENGENALAN</b>	7
<b>KAJIAN LITERATUR</b>	8-9
<b>RINGKASAN TRANSKRIP</b>	10-11
<b>TRANSKRIP TEMUBUAL</b>	12-66
<b>RALAT</b>	67
<b>LOG TEMUBUAL</b>	68-73
<b>INDEXS</b>	74-77
<b>RUJUKAN</b>	78
<b>LAMPIRAN</b>	
<b>PERJANJIAN</b>	
<b>SENARAI SOALAN</b>	79-85
<b>DIARI PENYELIDIKAN</b>	
<b>GAMBAR</b>	

# ABSTRAK

## ABSTRAK

*Artikel ini menceritakan tentang seorang anggota polis iaitu Rosli bin Jaafar yang berpangkat sarjan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui lebih lanjut tentang aktiviti pemerdagangan manusia. Artikel ini disempumakan dengan hasil temu bual secara lisan dengan Sarjan Rosli. Beliau banyak menyumbangkan jasa ketika berkhidmat dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM), contohnya Ops Roda, Ops Noda, Ops Rantau dan lain-lain sehingga beliau dianugerahkan Pingat Bentara Pasukan Polis daripada Yang Dipertuan Agung pada tahun 2012. Beliau telah berkhidmat selama 36 tahun dan telah ditugaskan untuk menyertai Ops Wawasan Khas pada tahun 2015. Op Wawasan Khas adalah satu operasi yang berkaitan dengan aktiviti pemerdagangan manusia. Beliau mewakili unit pemusnahan bom. Aktiviti pemerdagangan manusia ini melibatkan dua buah negara iaitu Malaysia dan Thailand Dalam operasi ini, beliau ditugaskan untuk mengesan dan menghapuskan jerangkap samar di sekitar lokasi kejadian iaitu sepanjang sempadan Thailand, di Bukit Wang Burma, Perlis. Mereka dibekalkan semua kelengkapan terutamanya senjata api, alat mengesan jerangkap samar dan juga bekalan makanan. Beliau dan pasukan terpaksa mendaki selama 4 jam untuk sampai ke kem pertama aktiviti pemerdagangan manusia. Seterusnya, mangsa yang terlibat dalam aktiviti pemerdagangan manusia ini ialah warga negara Bangladesh dan Rohingya yang dijanjikan peluang pekerjaan di Malaysia oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Akhir kata, tujuan kajian ini dijalankan juga adalah untuk mendedahkan kepada orang awam tentang aktiviti pemerdagangan manusia dan pihak yang bertungkus lumus menjaga keaamanan negara Malaysia.*

## KATA KUNCI

Ops Wawasan Khas, Aktiviti pemerdagangan manusia, Bukit Wang Burma, Unit Pemusnah Bom

**PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Pertama sekali kami ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T di atas segala petunjuk dan hidayah-Nya kerana kami dapat juga menyiapkan tugas ini iaitu Oral Documentation (IMR604) yang telah ditugaskan kepada kami dengan jayanya. Setelah banyak cabaran dan halangan yang terpaksa kami tempuhi, dapat juga kami menghasilkan sebuah dokumentasi Sejarah Lisan ini dan kami percaya segala yang berlaku mempunyai hikmahnya yang tersendiri dan juga berkat daripada Allah S.W.T. Seterusnya, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Sarjan Rosli Bin Jaafar atas kesudian beliau dalam meluangkan masa bersama kami untuk sesi wawancara dan beliau juga telah banyak berkongsi maklumat tentang tajuk yang telah kami pilih. Selain itu, mungkin perkongsian yang beliau kongsi dapat membantu dalam proses menyelesaikan dokumentasi ini. Kami juga berharap agar dokumentasi ini dapat memberi pengetahuan dan maklumat kepada masyarakat di luar sana. Seterusnya, kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah kami yang telah banyak membimbing kami dalam subjek ini iaitu Dr Azree Bin Ahmad. Terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan atas tunjuk ajar, nasihat dan masa yang diluangkan untuk kami. Mungkin tanpa beliau, kami tidak akan dapat melengkapkan dokumentasi ini dengan jayanya. Akhir kata, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu dan bapa kami yang telah banyak membantu dari segi nasihat, kata-kata semangat dan juga wang ringgit sepanjang kami menjalankan wawancara ini dan daripada jasa mereka dapat juga kami sempurnakan tugas ini dengan jayanya. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan terutamanya rakan kelas yang telah banyak menyumbang idea dalam menyiapkan tugas ini.

**SENARAI SINGKATAN PERKATAAN**

**ASB (Special Branch Police)**

**BPP (Bentara Pasukan Polis)**

**CIAST (Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan)**

**CLC (Chase Linear Cutting)**

**CNN (American Basic Cable And Satellite Television News)**

**EOD (Explosive Ordnance Disposal)**

**FELDA (The Federal Land Development Authority)**

**FELCRA (Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority)**

**IED (Improvise Explosive Devices)**

**KL (Kuala Lumpur)**

**LRT (Light Rail Transit)**

**NET (NAC Explosive Contain)**

**PDRM (Polis Diraja Malaysia)**

**PULAPOL (Pusat Latihan Polis)**

**PGA (Pasukan Gerakan Am)**

**RISDA (Rubber Industry Smallholders' Development Authority (Malaysia))**

**Rekey (Perisik)**

**SPM (Sijil Pelajaran Malaysia)**

**BIODATA**



## BIOGRAFI

### BIODATA PENEMURAMAH 1



<b>Nama</b>	:	Nor Afifah Binti Omar
<b>Tarikh Lahir</b>	:	
<b>Negeri Kelahiran</b>	:	Kedah Darul Aman
<b>No. Telefon</b>	:	
<b>Emel</b>	:	
<b>Alamat</b>	:	
<b>Pendidikan</b>	:	<ol style="list-style-type: none"><li>I. Diploma Pengurusan Maklumat UiTM</li><li>II. Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Maklumat Pengurusan Perpustakaan</li></ol>

**BIODATA PENEMURAMAH 2**



**Nama** : Nurafatin Afifa Binti Mohd Nazam

**Tarikh Lahir** :

**Negeri Kelahiran** : Kuala Lumpur

**No. Telefon** :

**Emel** :

**Alamat** :

**Pendidikan** : I. Diploma Pengurusan Maklumat UiTM

II. Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Maklumat Pengurusan  
Perpustakaan

**BIODATA PENCERITA**



Nama	:	Rosli bin Jaafar
Nombor badan	:	RF/ 96796
Tarikh lahir	:	
Tarikh masuk polis	:	23 Ogos 1981
Tempoh berkhidmat	:	36 tahun
Pangkat	:	Sarjan
Jawatan	:	Sarjan Operasi Persenjataan/ Unit Pemusnah Bom di IPK Kedah
Kelulusan teknikal PDRM	:	Gred Khas Persenjataan/Unit Pemusnah Bom, Jerangkap Letupan Rekaan (IED), Tauliah Jurulatih Menembak, Taktikal Komando, High Risk Search Unit Pemusnah Bom. Lulusan Pengajian Teknikal Persenjataan Maktab Teknik PRDM, Bakri, Muar, Johor.
Alamat	:	

# PENGENALAN

## 1. PENGENALAN

Kami Nor Afifah Binti Omar dan Nurfatin Afifa Binti Mohd Nazam telah menemubual Encik Rosli Bin Jaafar yang merupakan seorang anggota polis yang berpangkat sarjan. Seterusnya, beliau merupakan seorang anggota polis yang bertugas di Unit Pemusnahan Bom. Beliau juga pernah menerima pingat BPP (Bentara Pasukan Polis) daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung Tuanku Sultan Abdul Halim Muazzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah atas jasa kebaktian dan keberanian sebagai anggota Unit Pemusnahan Bom yang telah berjaya dalam mengesan dan memusnahkan jerangkap samar. Kami telah mengadakan temubual di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah, Jalan Stadium, 05560 Alor Setar, Kedah Darulaman. Selain itu, beliau telah dilahirkan pada 19 Jun 1962 di Baling, Kedah. Beliau juga merupakan anak yang kedua daripada empat beradik. Beliau merupakan seorang anak yang kental dan tidak pernah kenal erti putus asa.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Pulai, Baling, Kedah dan telah menyambung ke Sekolah Menengah Kebangsaan Baling. Kemudian, beliau telah menyambung ke Maktab Teknik Polis Diraja Malaysia Bakri, Muar, Johor dalam Jurusan Teknikal. Di samping itu, hobi yang digemari oleh beliau ialah mencipta replika kenderaan pada waktu kecil tapi apabila meningkat dewasa sehingga sekarang beliau gemar memancing.

Temubual ini telah dijalankan selama 2 jam 30 minit. Temubual ini berkaitan tentang sindiket pemerdagangan manusia. Beliau juga telah menceritakan perkhidmatan dan pengalaman beliau sebagai anggota polis yang bertugas di Unit Pemusnahan Bom serta pengalaman beliau dalam menghadapi situasi pemerdagangan manusia. Berdasarkan apa yang diceritakan oleh beliau, sindiket pemerdagangan manusia ini pernah berlaku di Wang Kelian.

Sepanjang sesi temubual, kualiti rakaman kami baik dan jelas namun terdapat sedikit gangguan dari segi bunyi yang tidak dapat dielakkan seperti bunyi pen, bunyi pinggan mangkuk dan bunyi suara orang awam. Walaubagaimanapun, kesemua maklumat penting yang berkaitan latar belakang dan pengalaman beliau dalam bertugas sebagai anggota polis dalam Unit Pemusnahan Bom berjaya direkod dan ditranskrikan dengan baik.

# KAJIAN LITERATUR

## **2. KAJIAN LITERATUR**

### **2.1 AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA**

Aktiviti seperti pencerobohan, penyeludupan senjata dan pendatang asing tanpa izin (PATI) dan lain sering berlaku di sempadan Malaysia-Thailand. Meskipun banyak langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak berkuasa masalah ini tetap giat dilakukan secara berleluasa. Antara masalah yang paling menyentuh hati ialah penemuan 28 kem haram yang dijadikan tempat kurungan dan 139 kubur mayat pelarian Rohingya dari Myanmar dan juga Bangladesh telah ditemui di Wang Kelian, Padang Besar pada bulan Mei 2015. Permasalahan ini terjadi disebabkan aktiviti pemerdagangan manusia oleh sindiket yang tidak bertanggungjawab. Sindiket ini menawarkan kehidupan di Malaysia dan menjanjikan peluang pekerjaan terhadap mangsa.

Aktiviti ini berlarutan di sekitar sempadan Malaysia dan Thailand yang merangkumi Perlis, Kedah, Perak, Kelantan dan Pulau Pinang kerana keadaan geografi sempadan Malaysia-Thailand yang terdiri daripada daratan, sungai dan bukit bukau yang memberikan cabaran kepada pihak penguatkuasa dan keselamatan negara untuk mengawal aktiviti keluar masuk dari kedua-dua belah negara. Justeru itu, pelbagai langkah patut diambil dalam mengetatkan lagi undang-undang negara Malaysia demi memastikan keamanan negara ini. Aktiviti pemerdagangan manusia ini juga dikatakan banyak memberi impak buruk kepada negara Malaysia.

### **2.2 OPS WAWASAN KHAS**

Pihak Polis Diraja Malaysia telah melancarkan satu operasi yang dinamakan Op Wawasan Khas menangani masalah berkaitan dengan aktiviti pemerdagangan manusia. Rosli bin Jaafar ialah salah seorang daripada anggota yang ditugaskan untuk menyertai operasi ini. Seterusnya dalam operasi ini beliau bertindak untuk mengesan jerangkap samar dia sekitar kawasan Bukit Wang Burma. Tujuan mereka mengesan jerangkap samar adalah untuk memastikan kawasan tersebut bebas daripada ancaman musuh yang boleh membahayakan semua pasukan yang terlibat. Setelah memastikan kawasan tersebut selamat, maka barulah pasukan forensik dan lain-lain dibenarkan untuk membuat kajian terhadap tempat tersebut.

Menurut berita yang di terbitkan di dalam Malaysiakini Timbalan Ketua Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Dato Soiman Jahid menghantar satu unit pasukan udara bagi membantu operasi membawa keluar mayat yang dipercayai mangsa aktiviti sindiket pemerdagangan manusia di Bukit Wang Burma bersempadan dengan Thailand. Usul ini dikuatkan lagi dengan penjelasan Sarjan Rosli bin Jaafar, merupakan salah seorang anggota polis yang terlibat dalam operasi ini. Melalui sesi menemu ramah beliau, beliau menyatakan bahawa dia ditugaskan untuk mengesan jerangkap samar dan juga terlibat dalam dalam membantu mengeluarkan mayat daripada lokasi berkenaan. Semua maklumat yang diberikan oleh Rosli bin Jaafar seiring dengan maklumat yang diterbitkan di media dan Internet.

### **2.3 HASIL OP WAWASAN KHAS**

Menurut Rosli bin Jaafar, beliau menyuarakan perasaan yang amat pilu dan sedih ketika sampai di lokasi Bukit Wang Burma kerana beliau dapat menyaksikan sendiri kubur-kubur, tengkorak dan tempat tahanan mangsa aktiviti pemerdagangan manusia ini. Selain itu, beliau juga menyatakan tahanan yang terdiri daripada golongan wanita terpaksa dijadikan hamba seks kepada pihak yang tidak bertanggungjawab. Seterusnya, menurut beliau juga, mereka menjumpai rangka mayat seorang perempuan bersama seorang bayi. Andaian daripada penemuan itu bahawa wanita tersebut telah menjadi tahanan sudah sekian lama sehingga dapat melahirkan seorang bayi.

Hasil daripada Op Wawasan Khas ini 106 mayat mangsa telah ditemui. Setelah dibedah siasat, semua mangsa sindiket pemerdagangan manusia ini dipercayai menemui ajal akibat kebuluran. Ia diklasifikasi sebagai kematian mengejut tanpa sebarang unsur jenayah oleh Ketua Polis Perlis, Shafie Ismail, SAC. Tambahan lagi beliau menyatakan walaupun operasi menggali dan mengeluarkan rangka mayat mangsa itu telah dihentikan, kawasan tersebut masih lagi dikawal sepenuhnya oleh anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) bagi mengelakan kejadian buruk ini berulang kembali. Seterusnya, pelbagai langkah patut diambil bagi mengetatkan sistem pengawalan keluar masuk negara Malaysia bagi mengelak kejadian buruk yang tak diingini berlaku.



# RINGKASAN TRANSKRIP

### 3. RINGKASAN TRANSKRIP

Encik Rosli Bin Jaafar telah dilahirkan pada 19 Jun 1962 di Baling, Kedah. Beliau merupakan anak yang kedua daripada 4 beradik iaitu 2 lelaki dan 2 perempuan. Seterusnya, beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Pulai, Baling, Kedah. Kemudian, menyambung ke Maktab Teknik Polis Diraja Malaysia Bakri, Muar, Johor dalam Jurusan Teknikal. Hobi yang digemari oleh beliau ialah mencipta replika kenderaan pada waktu kecil tapi apabila dewasa sehingga sekarang gemar memancing. Rosli bin Jaafar merupakan seorang anggota polis yang berpangkat Sarjan di dalam Polis Diraja Malaysia. Beliau telah berkhidmat selama 36 tahun di dalam Unit Persenjataan dan Pemusnahan Bom bertempat di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah sebagai Sarjan Perolehan Aset dan sebagai Sarjan Operasi. Beliau juga salah seorang anggota yang telah ditugaskan untuk menyertai Ops Wawasan iaitu operasi yang berkaitan dengan aktiviti pemerdagangan manusia.

Beliau telah mendirikan rumah tangga pada 31 Ogos 1984. Isteri beliau bernama Puan Rogayah Binti Zakaria yang merupakan seorang anggota Polis yang berpangkat sarjan tapi sudah bersara. Hasil perkongsian dengan isteri beliau telah dikurniakan 3 orang cahaya mata. Yang sulung bernama Syatina Binti Rosli, anak kedua bernama Syakeela Binti Rosli dan anak ketiga bernama Muhammad Syafeeq Bin Rosli. Beliau mengagihkan masa bersama keluarga dengan mengajak keluarga beliau untuk pergi bercuti iaitu ke Melaka. Penyebab utama mengapa beliau menyertai polis disebabkan oleh pak cik saudara beliau yang mengatakan kerja polis ini walaupun bergaji rendah tapi pada akhirnya boleh hidup bahagia. Selain itu, Beliau telah mula berkhidmat pada tahun 1981 di PULAPOL (Pusat Latihan Polis), Kuala Lumpur. Beliau juga Ditempatkan di Pusat Latihan Polis Jalan Semarak, Kuala Lumpur..

Pada tahun 2015, beliau telah terlibat dalam satu operasi yang dinamakan Op Wawasan Khas di sempadan Malaysia-Thailand. Di samping itu, operasi ini merupakan operasi untuk pemerdagangan manusia. Pemerdagangan manusia ini telah dijumpai di kem yang berhampiran di dalam hutan. Anggota yang terlibat dalam operasi ini adalah seramai 4 orang dalam Unit Pemusnahan Bom. Hanya anggota yang berpengalaman sahaja yang dibenarkan masuk seperti Unit Pemusnahan Bom, pihak PGA (Pasukan Gerakan Am), Pihak Forensik, Cawangan Khas / SB (Special Branch Polis) iaitu dari cawangan khas dan beberapa dari cawangan lain. Semua anggota yang terlibat ialah seramai 400 orang berdasarkan jumlah keseluruhan dari setiap unit. Setiap anggota dikehendaki untuk membuat pecahan pasukan iaitu Pasukan A, Pasukan B dan Pasukan C. Dalam Unit Pemusnahan Bom hanya seorang sahaja anggota yang terlibat dalam pemerdagangan

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

manusia tetapi di dalam unit yang lain bergantung kepada unit mereka di mana terdapat seorang pegawai (Inspektor) dan seorang sarjan. Aktiviti ini dapat dihidu ketika pihak Thailand berjaya mendapatkan maklumat sehingga maklumat tersebut sampai ke Malaysia secara sulit di mana mereka menjumpai ratusan mayat di tempat kejadian. Negara yang terlibat dalam krisis pemerdagangan manusia ini ialah Malaysia-Thailand dan telah menjemput para wartawan daripada CNN. Kelengkapan yang dimiliki oleh pihak polis ialah mereka telah mengendali jerangkap samar yang dinamakan Metex. Fungsi Metex ini adalah untuk mengesan logam, cebisan logam atau bahan letupan yang mempunyai litar.

Anggota polis juga telah berangkat ke lokasi kejadian dengan menggunakan kenderaan polis setelah bekerjasama dengan beberapa zon utara seperti Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak. Jangka masa untuk operasi ini ialah selama seminggu tetapi tidak menentu juga kerana ia telah di arahkan oleh Pegawai Medan (Ground Commander). Operasi ini dilakukan secara bergilir-gilir oleh setiap anggota. Lokasi kejadian bertempat di Bukit Wang Burma, Perlis iaitu sempadan Malaysia-Thailand. Beliau dan pasukan terpaksa bermalam di dalam hutan bersebelahan dengan kem pelarian ini yang dikelilingi tengkorak dan mayat. Mereka telah menghadapi kesukaran iaitu mereka terpaksa mendaki bukit selama 4 jam untuk sampai ke tempat kem pelarian yang pertama. Hasil daripada operasi ini mereka mendapati aktiviti ini telah dijalankan semenjak tahun 2011. Pihak yang tidak bertanggungjawab telah menabur janji manis kepada mangsa pelarian dengan menjanjikan peluang pekerjaan di Malaysia. Sebanyak 30 kem pelarian mangsa aktiviti pemerdagangan manusia telah di temui ketika operasi tersebut.

Akhir sekali, di atas segala khidmat yang telah disumbangkan oleh beliau, beliau telah menerima Pingat Bentara Pasukan Polis dariada yang dipertuan Agung Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung Tuanku Sultan Abdul Halim Muazzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah. Pingat tersebut ialah pingat atas jasa kebaktian ataupun keberanian serta di berikan penghargaan sebagai anggota Unit Pemusnahan Bom yang telah berkhidmat mengendali bom dan jerangkap samar.

# TRANSKRIP TEMUBUAL

#### 4. TRANSKRIP WAWANCARA

Berikut ialah rakaman wawancara sejarah lisan bersama dengan Sarjan Rosli bin Jaafar yang merupakan seorang anggota polis yang berpangkat Sarjan mengenai pengalaman beliau dalam memerangi aktiviti pemerdagangan manusia dan juga merupakan salah seorang anggota pemusnahan bom. Rakaman ini dijalankan di bilik mesyuarat Unit Pemusnahan Bom, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK), Kedah Darul Aman. Pada empat Mei dua ribu tujuh belas (4 Mei 2017) dari jam dua belas tengah hari (12.00pm) sehingga dua setengah petang (2.30pm). Wawancara ini dikendalikan oleh Nor Afifah Binti Omar dan Nurfatin Afifa Binti Mohd Nazam.

#### RAKAMAN 1

**Fatin :** --[Bilakah Sarjan dilahirkan]?

**Sarjan :** Saya dilahirkan pada sembilan belas hari bulan enam tahun enam puluh dua 19 Jun 62 [1962].

**Fatin :** Nama tempat sarjan dilahirkan?

**Sarjan :** Saya dilahirkan di Baling, Kedah

**Fatin :** Bolehkah saya tahu bilangan adik-beradik Sarjan?

**Sarjan :** Saya cuma ada empat orang adik-beradik dua lelaki, dua perempuan iaitu saya abang lelaki, saya lelaki dan dua lagi perempuan, empat beradik.

**Fatin :** Sarjan anak yang ke berapa?

**Sarjan :** Saya anak yang kedua daripada empat adik-beradik

**Fatin :** **Apakah nama sekolah pertama Sarjan?**

Sarjan : Sekolah rendah,ya (Fatin menjawab), Sekolah Rendah Kebangsaan Pulai, Baling, Kedah

**Fatin :** **Tahap pendidikan tertinggi Sarjan?**

Sarjan : Saya cuma setakat SPM [*Sijil Pelajaran Malaysia*] tahun tujuh puluh sembilan [1979] di Sekolah Menengah Kebangsaan Baling dan kalau ikut kelulusan akademik dalampenugasan, saya adalah lepasan Jurusan Teknikal, persenjataan di MaktabTeknik Polis Diraja Malaysia Bakri, Muar, Johor.

**Fatin :** **Hobi pada waktu lapang?**

Sarjan : Okay [Baiklah]. Saya hobi ini, dulu-dulu [dahulu] ada hobi tapi [tetapi] sekarangini dah [sudah] tua-tua [faktor usia] ini kurang sedikit hobi, semasa kecil hobi sayasuka mencipta replika terutamanya replika kenderaan lah, ya dulu [dahulu] tapi [tetapi] dah [sudah] makin [semakin] tua ini, kegemaran saya tu [itu], hobi saya tu [itu] dah [sudah] lupus. Cuma sekarang ni [ini] hobi saya yang terkini adalah mancing lah [memancing].

**Fatin :** **Bilakah Sarjan mendirikan rumah tangga?**

Sarjan : Okay [Baiklah]. Saya mendirikan rumah tangga pada tahun lapan puluh empat [1984], tarikhnya memang tarikh yang bersejarah iaitu tiga puluh satu hari bulan lapan tahun lapan puluh empat 31 Ogos [1984] iaitu tarikh Hari Kemerdekaan Malaysia, itu boleh ingat la sampai bila-bila [bila].

**Fatin :** **Siapakah nama isteri dan anak-anak?**

Sarjan : Isteri saya adalah Sarjan Rogayah Binti Zakaria juga seorang anggota polis tapi [tetapi] dah [sudah] bersara pada satu hari bulan sepuluh tahun lepas dua ribu enam belas 1 Oktober [2016]. Anak saya yang sulung nama Syatina Binti

Rosli, seorang guru di Selangor iaitu di Sungai Buloh, Selangor. Anak yang kedua perempuan bertugas sebagai seorang Pegawai Farmasi Kementerian Kesihatan, sekarang ini bertugas di Klinik Kesihatan Kepala Batas, Kubang Pasu [Kedah] dan anak ketiga, anak kedua tadi nama Syakeela Binti Rosli dan anak ketiga Muhammad Syafeeq Binti, Bin Rosli, bertugas sebagai anggota polis di Balai Polis Jalan Patani, Penang [Pulau Pinang], Georgetown [Pulau Pinang].

**Fatin :** **Bagaimana Sarjan mengagihkan masa untuk keluarga?**

**Sarjan :** Okay [Baiklah], penugasan saya tak [tidak] menentu masa, saya memang oncall [menerima panggilan] dua puluh empat jam (24) jam tapi [tetapi] kalau takda [tiada] oncall [menerima panggilan] itu penugasan biasa saya ialah waktu pejabat lapan pagi hingga lima petang [8.00am – 5.00pm]. Tapi [tetapi], selepas lima petang [5.00pm] itu, handphone [telefon bimbit] saya kena on [hidupkan] tak [tidak] boleh off [matikan] sebab akan dipanggil bila-bila [bila] masa. Jadi saya meluangkan masa dengan family (keluarga) terutamanya hari cuti, hujung minggu, keluar makan. Kadang-kadang kalau anak-anak balik, cucu balik, masak sama-sama [bersama] makan. Ada jugalah saya bercuti bersama family [keluarga] ke tempat-tempat bersejarah macam baru-baru ni [ini], saya pergi ke Melaka dan bermalam di Morib [Melaka] bersama family [keluarga] lah.

**Fatin :** **Apakah perkara yang mendorong Sarjan menyertai PDRM?**

**Sarjan :** Okay [Baiklah]. Saya sebenarnya lahir dalam keluarga yang susah, Okay [Baiklah], bapa saya daripada bidang apa ni [ini] pertanian sawah, bertukar kepada bidang perladangan iaitu penoreh getah masa tinggal di Baling [Kedah] dulu [dahulu]. Keluarga kami memang susah, jadi abang saya sekolah setakat [sehingga] darjah enam sahaja. Jadi, parents [ibu bapa] saya harapkan saya lah sampai ke peringkat SPM, harapkan saya supaya dapat berkhidmat dalam jabatan kerajaan. Masa itu [semasa itu], saya macam-macam [pelbagai] kerja saya minta FELDA, FELCRA, RISDA, semua gagal. Saya bertugas, bekerja dengan cina tanam cabai [cili], tanam sayur, bekerja

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

kontrak dan kerja kilang. Masa tu [itu] tahun lapan puluhan [80-an]. Kebetulan masa tu [itu] saya kerja [bekerja] kilang di Kuala Lumpur, kilang membuat papan lapis, Malaya Plywood and Veneer Factory di Jalan Kepong, KL [Kuala Lumpur], saya merantau, terdorong saya untuk meminta polis ni [ini] di sebabkan saya tengok [melihat] pakaian polis ni [ini] smart [kemas] dengan perwatakan yang tegas. So [jadi] masa saya bertugas di kilang tu [itu], saya dah [sudah] di orang kata upgrade [di naikkan] sikit lah dia [beliau] tak [tidak] kerja di bahagian mesin. Sebelum itu, saya di bahagian mesin untuk membuat papan lapis. Apabila saya di naikkan sedikit orang kata jawatan lah kan, saya hanya menjaga lori, lori yang membawa papan lapis untuk di eksport untuk di naikkan kargo untuk kapal. Setiap lori yang keluar tu [itu] saya akan check [semak] berapa ribu keping papan lapis yang dibawa. Jadi semasa lori tiada, tak [tidak] keluar, saya baca [membaca] surat khabar, apabila baca surat khabar nampak satu iklan pengambilan penjawatan polis lah, saya pun bergegas ke Balai Polis Kepong, KL [Kuala Lumpur] jumpa [terjumpa] satu [seorang] Koperlah tu [itu] tak [tidak] ingat nama, tengok-tengok [melihat] IC [kad pengenalan] lahir dekat [di] Kedah. So [jadi], dia kata "Encik Rosli kena balik kat [ke] Kedah mohon di Kedah" so [jadi] saya balik ke Kedah, ambik [ambil] cuti dari kilang itu, mohon [memohon] jawatan polis]. Daripada situ lah, saya menceburkan diri dalam polis. Sementelahan pula [sementara itu], ramai di kalangan sedara [saudara] saya dah [sudah] pun terlibat dah [sudah] pun memasuki polis terutama bapak-bapak sedara [bapa saudara], bapa sedara [bapa saudara] terdahulu lah dah [sudah] ramai dah kerja polis. Diorang [mereka] juga dorongkan [mendorongkan] saya sebab dia [mereka] kata kerja polis ni [ini] walaupun masa tu [itu] gaji kecil [sedikit] tapi [tetapi] orang kata seronok [bahagia] lah.

**Fatin** : **Tahun berapa Sarjan mula berkhidmat?**

**Sarjan** : Okay [Baiklah], saya memasuki PDRM [*Polis Diraja Malaysia*] pada tahun lapan puluh satu [1981] iaitu mula menjalani latihan rekrut pada dua puluh tiga hari bulan lapan tahun lapan puluh satu 23 Ogos [1981] di PULAPOL [Pusat Latihan Polis], Kuala Lumpur.



**Fatin :** Di pusat latihan polis mana Sarjan ditempatkan?

Sarjan : Okay [Baiklah], saya masa tu [itu] ditempatkan di Pusat Latihan Polis Jalan Semarak, masa itu, Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Sekarang ni [ini], dipanggil Jalan Baru, Jalan Sultan Salehuddin tak [tidak] silap saya di Semarak, Kuala Lumpur.

**Fatin :** Sudah berapa tahun Sarjan terlibat dalam PDRM (Polis Diraja Malaysia)?

Sarjan : Okay [Baiklah], saya berkhidmat daripada tahun lapan puluh satu [1981] hingga sekarang dah [sudah] tahun dua ribu tujuh belas [2017] dah [sudah] tiga puluh enam tahun [36 tahun] saya berkhidmat dalam PDRM [Polis Diraja Malaysia].

**Fatin :** Apakah pekerjaan pertama Sarjan sebelum menyertai PDRM (Polis Diraja Malaysia)?

Sarjan : Okay [Baiklah], pekerjaan pertama saya sebelum menyertai PDRM [Polis Diraja Malaysia], saya bekerja sebagai buruh bekerja kontrak di Penang [Pulau Pinang], tempat asal bapa saya, arwah bapa di Bukit Mertajam, Kepala Batas, [Pulau Pinang] saya bekerja kontrak bina bangunan; angkat simen, tanggung simen, bina bangunan. Kemudian, terasa teruk saya pun balik ke kampung balik kerja dengan cina, tanam sayur, tanam cabai [cili], tanam apa semua. Gaji pada masa itu sehari lima ringgit (RM5), satu hari lima ringgit (RM5). Kemudian, saya pernah menorah getah, saya pernah buat sawah dan apa lagi saya buat kerja banyak saya buat kerja kampung lah, kerja-kerja kampung.

**Fatin :** Apakah pangkat sarjan ketika itu?

Sarjan : Masa bila tu [itu]? Masa masuk PDRM [Polis Diraja Malaysia] (Fatin dan Afifah menjawab). Masa mula-mula masuk PDRM [Polis Diraja Malaysia] pangkat adalah konstabel, asas konstabel.

**Fatin :** (Sarjan batuk). **Sekarang sarjan ditugaskan dalam bahagian apa?**

Sarjan : Sekarang ni [ini] saya bertugas di dalam cawangan persenjataan, Unit Pemusnahan Bom dan tugas hakiki saya di dalam cawangan ini adalah sebagai Sarjan Perolehan Aset dan sebagai Sarjan Operasi lah.

**Fatin :** **Semenjak menyertai PDRM (Polis Diraja Malaysia), adakah sarjan memperoleh pengalaman yang banyak?**

Sarjan : Kalau nak ikutkan sepanjang berkhidmat tiga puluh enam tahun [36 tahun] dalam PDRM [*Polis Diraja Malaysia*] memang banyak pengalaman lah yang manis, yang pahit. Err, nak cerita? --

**Fatin :** **Apa kenangan manis yang sarjan tak [tidak] boleh lupakan?**

Sarjan : Okay [Baiklah], kenangan manis yang saya tak [tidak] boleh lupakan sepanjang menyertai PDRM [*Polis Diraja Malaysia*] ini adalah bertemu jodoh lah dengan isteri saya di dalam PDRM [*Polis Diraja Malaysia*]. Kami sama-sama tinggal di rumah bujang sebelah menyebelah [rumah bujang]. Rumah bujang, rumah bujang itu ada tiga (3) sebenarnya, satu blok (1) blok tapi buat tiga (3) rumah dalam satu blok (1) blok tu [itu] tapi diluar kawasan balai. Pihak Ketua Polis Daerah tempatkan anggota lelaki dekat blok tu [itu] untuk jaga [menjaga] lah anggota wanita yang dua rumah lagi, kalau apa-apa jadi tu (itu) mudah. Jadi, dekat situlah saya bertemu jodoh dengan isteri saya, kenangan manis lah sebab saya tak [tidak] pandai nak [hendak] orang kata ni [ini] kan couple-couple [berpasangan] ni [ini] cuma saya ni [ini] tegur-tegur tu [itu] rasa berkenan dihati saya pun berkawan lebih kurang empat bulan (4 bulan) berkahwin. Itulah kenangan manis saya.

**Fatin :** **Apakah kenangan pahit yang tak [tidak] boleh dilupakan?**

Sarjan : Okay [Baiklah], kenangan pahit ni [ini] kalau nak [hendak] di ikutkan banyak, saya bolehlah cerita kot [mungkin], satu kot [mungkin] kalau boleh, sempat dua. Baik, sepanjang penugasan saya di dalam PDRM [*Polis Diraja Malaysia*]

ni [ini], kenangan paling pahit yang saya alami ketika saya pergi tackle [mengendali] ataupun pergi menyelamatkan bom lama dan juga jerangkap samar paling, pahit saya rasa. Masa itu, KL Sentral dalam sedang proses pembinaan. Pihak pemaju tapak mengorek tanah menggunakan gerudi yang besar. Apabila dia [pihak pemaju tanah] korek [mengorek] tanah, gerudi stuck [terlekat/tidak boleh berfungsi], tak [tidak] boleh masuk lagi ke dalam tanah. Masa itu dah [sudah] dikorek dalam lebih kurang sepuluh kaki (10) kaki. Jadi, pihak kontraktor ni [ini] dah [sudah] buntu macam mana nak masukkan gerudi ini kerana stuck [terlekat]. Kerana kat [dekat] situlah dia [pihak pemaju tapak] akan pasang cerucuk sebagai tiang utama untuk bangunan tadi, bangunan KL Sentral tu [itu]. Apabila buntu, dia [pihak pemaju tanah] terpaksa masukkan seorang pekerja Bangladesh ke dalam lubang yang sepuluh kaki (10) kaki tadi dengan menggunakan oksigen ke dalam sana. Apabila masuk dengan lampu dan oksigen, naik semula Bangladesh ni [ini] daripada dalam tu [itu] dia mengatakan bawah sana ada sebutir bom lah, bom lama. Kemudian, pihak pemaju binaan tu [itu] telah menghubungi polis 999, 999 call [panggilan] dan terus pihak gerakan telah menghubungi kami Unit Pemusnahan Bom untuk hadir ke sana secepat mungkin untuk menyelamatkan bom itu lah. So [jadi], apabila kami sampai, saya ingat lagi pada masa tu [itu], kami sampai lebih kurang pukul sebelas pagi (11) pagi, bom telah pun dinaikkan daripada lubang tadi menggunakan kren. Bangla [Bangladesh] tadi telah turun bawah dengan oksigen dan ikat dekat tangkai bom tu [itu] naik dengan bom dengan dia sekali [Bangladesh] daripada dalam tanah. Sebenarnya Bangla [Bangladesh] tu [itu] tak [tidak] tahu benda tu [itu] bom, dia menyangkakan itu adalah tempayan harta karun, kononnya lah. Apabila kami [Unit Pemusnah Bom] sampai, kami [Unit Pemusnah Bom] recognize, kenalpasti objek itu adalah bom seberat, kandungan NEC, N-E-C, *NEC Net Explosive Contain* di dalam bom itu adaah 500 paun. Bom tu [itu] sepanjang tiga puluh empat inci (34) inci lebih besar daripada tong gas jenis Air Drop dan Bangla [Bangladesh] ni [ini] dah [sudah] buka dia [bom] punya fius. Bangla [Bangladesh] ini tak [tidak] tahu yang kepala bom itu adalah fius, dia menganggap bahawasanya fius itu adalah mulut tempayan harta karun, sebenarnya itu bahan letupan. Bila [apabila] kami [Unit Pemusnah Bom] sampai, kami tengok bom itu dah [sudah] di usik, menunggu masa untuk meletup sahaja. Okay [baiklah], menunggu masa untuk meletup. Jadi, apabila saya sampai, saya pun terkejut. Saya bagitau [memberitahu]

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

dengan pegawai dan salah seorang mat saleh [orang berkulit putih], pengurus tapak binaan tu [itu], saya bagitahu [memberitahu] "This is a real bomb" [ini ialah bom sebenar]. Mat saleh itu pun terkejut. Masa itu belum ada google [Laman Sesawang Indeks] belum ada apa. Jadi, saya cakap dekat dia [mat saleh], kami [Unit Pemusnah Bom] tak [tidak] boleh nak [hendak] pindahkan bom ni [ini] sebab dah [sudah] kritikal so (jadi), apabila tak (tidak) dapat dipindahkan, kami [Unit Pemusnah Bom] kata kami [Unit Pemusnah Bom] terpaksa selamatkan bom dekat situ. Dia ada dua (2) kaedah untuk menyelamatkan bom ini sama ada kita letupkan secara total [sepenuhnya], letupan yang kuat, hancur terus bom tu [itu] dan kami [Unit Pemusnah Bom] akan gunakan kaedah Low Order [Letupan Terkawal] iaitu memecahkan body [badan] bom itu supaya bom itu lemah dan kami [Unit Pemusnah Bom] boleh ambil keluar bahan letupan dalam bom tu [itu], jadi, bom tu [itu] akan selamat. Kami [Unit Pemusnah Bom] tak [tidak] boleh pecahkan bom tu [itu] disebabkan fius itu dah [sudah] dibuka, tak [tidak] boleh. Nak pindah ke tempat lain pun dah [sudah] tak [tidak] boleh. -- Kalau kami nak letupkan secara total (sepenuhnya), menyebabkan seribu lima ratus meter (1500) meter atau sekeliling tu [itu] akan musnah. Bayangkan sebelah kanan saya adalah stesen kereta api, ada public [orang awam], sebelah depan saya ada muzium negara, ada public [orang awam], sebelah kiri muzium negara ada balai polis [Balai Polis Travest], ada manusia di situ, sebelah kiri saya ada supermarket [pasar raya] Emporium, ada manusia dekat [di] situ, ada nyawa di situ, sebelah belakang saya ada sekolah, Sekolah Menengah Vivikananda, Brickfields, sekolah menengah India, ada public [orang awam], ada nyawa dekat situ. So [jadi] kalau saya letupkan dekat [di] situ, secara total [keseluruhan] berapa ribu nyawa akan melayang dan sebelah belakang saya ada juga landasan LRT [Light Rail Transit] dan juga komuter kereta api so, [jadi] kami kena bertindak secara elok supaya benda ini selamat. Bincang punya bincang tak [tidak] dapat ditackle [mendapatkan] hari itu kerana hari pun dah [sudah] gelap. Kebetulan masa tu [itu], pihak pakar bom daripada tentera datang, dia [pakar bom daripada tentera] pun tak [tidak] boleh nak [hendak] buat apa. "This is a town area", "This is a town area" [Ini ialah kawasan bandar], kalau hutan dia [pakar bom daripada tentera] boleh buat. Kalau town area [kawasan bandar] dia [pakar bom daripada tentera] tak [tidak] boleh buat. So [jadi], dia [pakar bom daripada tentera] pulangkan kepada polis untuk tackle [mendapatkan]

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

benda itu [bom]. Okay [baiklah], saya terpaksa bersembang [berbual] dengan pengurus projek iaitu Mat Saleh -- daripada Perancis, terpaksa berbincang dengan dia [Mat Saleh daripada Perancis] macam mana nak buat [selesaikan], saya kata benda ini tak [tidak] boleh alih lagi dan saya bagitahu [memberitahu] pengurus tu [itu] supaya dia buat satu benteng setinggi sepuluh kaki (10) kaki sekeliling bom tu [itu] dengan tanah. Kami pihak Unit Pemusnahan Bom tidak boleh mengambil tindakan keatas bom melebihi pukul enam petang (6.00pm) dan kami [Unit Pemusnahan Bom] mula semula operasi bermula jam enam pagi (6.00am). Maksudnya disini apabila bendera naik, bendera Malaysia di naikkan pukul enam pagi (6.00am), bendera Malaysia, ataupun bendera polis naik barulah tindakan kami bermula. Bendera turun pukul enam (6.00pm) kami [Unit Pemusnahan Bom] tak [tidak] boleh buat tindakan sebabnya kami [Unit Pemusnahan Bom] takut pandangan kami terhad dan mungkin disebalik bom yang dijumpai ini ada lagi bom yang ada dalam tanah, kita tak [tidak] nampak. Kalau kita letupkan satu ada beratus bom lagi dalam tanah [itu] menyebabkan letupan jadi besar. So [jadi], kami [Unit Pemusnahan Bom] tidak boleh buat tindakan di waktu malam. Apa jadi pun kami [Unit Pemusnahan Bom] akan tunggu waktu pagi, cerah dengan cuaca yang terang baru boleh kita [Unit Pemusnahan Bom] buat tindakan supaya tak [tidak] berlaku Sympathetic Items [bahan sepatitik] or Sympathetic Explosive [bom sepatitik] ada dibawah-bawah tu [itu]. Saya pernah ke Johor masa tu [itu] dekat Pelentung, Johor jumpa sebiji sahaja bom di tepi pantai. Apabila kapal korek tanah yang nak mendalamkan laut ini, korek pasir yang nak [hendak] mendalamkan laut ini, bom itu naik sebiji saja [sahaja] atas kapal. Jadi bila kami [Unit Pemusnahan Bom] sampai, kami siasat ada lagi ratusan bom di dalam pasir. Kalau kami [Unit Pemusnahan Bom] letup yang sebiji ini maka akan jangkit bom yang lain. Itu di Johor ye pengalaman saya. Itu lah orang kata pengalaman kena banyak ye, kalau main letup je mungkin penduduk akan mati, hilang nyawa. So [jadi] dah [sudah] pukul enam (6.00pm), kami [Unit Pemusnahan Bom] tak [tidak] boleh buat tindakan. So [jadi] kami balik. Selepas di pasang banteng, sekeliling bom tadi kami pun balik. Sebelum balik, pegawai saya cakap, "Okay [baiklah] Encik Rosli you [awak] dah [sudah] berjumpa dengan pengurus apa semua. Besok [keesokan] pagi, I [saya] nak you [awak] tackle [kendali bom]" dalam kejadian bom sama ada jerangkap samar ataupun bom lama. Okay, untuk makluman lah,

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

jerangkap samar ni [ini], kita panggil dia [jerangkap samar] IED [*Improvised Explosive Devices*], jerangkap letupan rekaan yang di reka untuk sesuatu attack [menyerang], attack [menyerang] kepada personal [peribadi] ataupun harta benda. Okay [baiklah], maksudnya kalau dia pasang bobby trap [perangkap bom], pasang tengah jalan kalau kereta lalu, terlanggar lalu akan meletup, kereta akan pecah. Kalau manusia langgar akan mati, itu dipanggil jerangkap samar. Yang yang yang dekat KL Sentral ini adalah UXO [*Unexploded Ordnance*], ada dua kategori dalam bom ini. UXO ini bermaksud [*unexploded Ordnance*] bukan ordinance, ordinance itu berulang. Bahan letupan daripada military [tentera], perang dunia. Jadi bom ini adalah perang dunia kedua [ke-2] punya bom. Okay [Baiklah], bagi [*unexploded poignanf*] ataupun bahan ni [ini] bom lama ni [ini], sifatnya adalah makin tua makin matang, makin lama makin matang bukan lama makin lemah, tidak ! Di dalam UXO [*Unexploded Ordnance*]ni [ini], bom lama ni [ini] tak [tidak] kira lah sebesar mana pun kalau dah [sudah] terlampau lama, dia [bom] akan berlaku pemeluwapan macam kita minum teh ais berlaku pemeluwapan di luar gelas, lelehan ais tadi itu dipanggil pemeluwapan. Jadi bom lama ni [ini] pun bersifat lebih kurang macam itu, pemeluwapan. Maka bom ini akan jadi peluh di luar body [badan bom] jadi peluh. Peluh dia [bom] itu kita panggil *Nitroglycerin*, Nitrogen. Asalnya daripada perkataan nitrogen, pada perkataan asal Nitro dan Glycerin ini bermaksud bahan letupan di dalam itu sudah berpeluh, nitro ni [ini] akan boleh menyebabkan letupan. Nitro, *Nitroglycerinni* [ini] kalau kita ambik dia [Nitroglycerin] dengan swap, kita renjis ke tempat keras akan meletup seperti mana mercun pop pop yang budak-budak main tu [itu]. Ia akan meletup. Itu peluh dia [nitron glyserin] belum bahan dalam dia [bom] lagi. Okay [baiklah], sangat bahaya. Jadi bom ni [ini] saya sudah sampai dekat sana dah [sudah] berlaku pemeluwapan tetapi tidak banyak sedikit saja. Walaupun sedikit amat kritikal, bahaya, anytime can explode, bila-bila masa akan meletup. So [jadi], apabila pegawai saya dah [sudah] cakap macam tu [itu], Okay, "Rosli besok [esok] pagi pukul enam pagi (6.00 am) kita berkumpul dekat sini, kita buat perancangan macam mana kita nak tackle [kendali] bom. You kena pergi tackle [awak kena pergi kendali bom]". Okay, balik ke rumah, saya berbincang dengan isteri dan anak-anak, anak pun masa tu [itu] baru dua orang, kecil-kecil lagi, eh dah [sudah] tiga (3), yang laki-laki [lelaki] dah [sudah] ada. Anak masih kecil, berbincang, okay [baiklah] esok pagi abah di tugaskan



AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

untuk tackle [kendali bom] sebesar ini ini ini - . Kemudian cerita dengan diorang [anak-anak dan isteri beliau], diorang [anak-anak dan isteri beliau] tak [tidak] leh [boleh] tido [tidur], tak [tidak] leh [boleh] tido [tidur] sebab saya yang kena pergi tackle [kendali] sama ada saya pergi ni [ini] akan balik atau balik dengan mayat ataupun tiada mayat sebab dah [sudah] hancur. Mereka semua menangis, apa nak [hendak] buat sebab tugas dah [sudah] macam tu [itu]. Kalau saya tak [tidak] pergi tackle [kendali bom] mungkin akan melibatkan kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa beribu-ribu orang di sekitar tempat-tempat yang saya bagitahu [beritahu] tadi, stesen kereta api, muzium negara, LRT, sekolah, emporium ada beribu nyawa dekat situ. Maka saya sampai dekat situ pukul enam setengah (6.30am) selepas solat subuh, berdoa apa semua, saya keluar ke lokasi berkenaan tempat yang pasang cerucuk tadi (batuk) dan elok sampai di situ satu pegawai Bukit Aman datang nama dia ASP Rusli Bin Ramli. Dia sama-sama kursus dengan saya di maktab, ASP ini. Dia sampai dekat saya, dekat situ, "Okay Encik Rosli, kita akan cuba yang terbaik supaya bom ini tak [tidak] meletup, kita gunakan Low Order [Letupan Terkawal], saya pun tak [tidak] terfikir macam mana nak [hendak] gunakan low order [aras rendah], macam mana nak gagalkan bom ini daripada meletup. Dia ada dua kaedah, dua kaedah satu kita buat belahan pada body [badan] bom ini dengan menggunakan satu alat yang dipanggil CLC [*Charge Linear Cutting*], dia berbentuk macam huruf V, dia juga adalah bahan letupan. Kita rentang pada body [badan] bom ini, kita letupkan gunakan kabel, letupkan CLC [*Charge Linear Cutting*] pada bom ni [ini] menyebabkan body [badan] bom akan koyak begini tapi ada dua kemungkinan sama ada dia koyak ataupun dia total [keseluruhan] meletup, ada dua kemungkinan kita kena fikir yang buruk kalau kita buat CLC untuk belahan body [badan] bom ni [ini] kita kena hampiri dua kali, bom kita kena hampiri sekali sahaja, dia punya prosedur. Dia punya apa dipanggil ni SOP, kena hampiri sekali dan lepas tu [itu] kita balik tapi guna CLC [*Charge Linear Cutting*] kena hampiri dua kali, sapa [siapa] yang berani pergi dua kali bagitahu, sapa [siapa] pun tak berani [tak akan berani] pergi dua kali dekat bom hanya sekali sahaja dan yang pergi itu pun seorang sahaja, tak [tidak] boleh pergi beramai-ramai duduk tengok dekat situ. Kalau dia meletup habis semua. Okay [baiklah], kalau saya pergi, saya gagal saya seorang sahaja akan mati yang lain masih hidup, kan. Itu untuk bom UXO [*Unexploded Ordnance*] kalau IED [*Improvised Explosive*]

*Devices*], manusia tak [tidak] boleh pergi, robot yang pergi tapi tengok situasi. Kalau robot boleh sampai tempat tu [itu], kita hantar robot untuk tackle [kendali bom]. Kalau robot tak [tidak] boleh sampai, keadaan cuaca tak [tidak] mengizinkan hujan, rebut petir sebab dia guna gelombang, *Remote Control*, robot. Kalau gelombang kacau tak [tidak] boleh. Manusia juga kena pergi, itu dua kaedah. Jadi, hari yang kedua (ke-2) kami [Unit Pemusnah Bom] sampai, Tuan Rusli ini bagitahu saya, "Okay [baiklah] kita ada Bukit Aman ada beli satu alat". Alat tu [itu], kita belum buat kursus lagi baru beli sangat-sangat, baru sebulan tak [tidak] sempat lagi nak [hendak] buat kursus dekat maktab untuk kita kenadli alat tu [itu]. Alat tu [itu] namanya Dart Disposal. Dart Disposal ni [ini] dia punya fungsi dia boleh kita letupkan dia, dia akan pergi pada body [badan] bom, dia tembus pada body [badan] bom itu. Bahan tadi [Dart Disposal] akan bakar bahan letupan dalam itu, so [jadi] kitahnya hampiri. [Dart Disposal] ini berbentuk seperti pen tapi besar lah dan tajam begini, besar lebih kurang macam ini, panjang lebih kurang tiga (3) inci, dia ada kaki. Ini adalah body [badan] bom, kaki dia kita boleh pusing lah arah itu. Jadi kita, dia ada belakang dia ada stopwatch [jam randik], kita kena set [tetapkan]. Perjalanan kita daripada tempat selamat SPS dipanggil Shelter Proof Shelter, tempat perlindungan selamat, Shelter Proof Shelter kita jalan dekat sini berapa minit kita sampai, kita nak patah balik berapa minit pula, kita kena gunakan stopwatch [jam randik], tengok ataupun jam sebab itu saya pakai jam macam ini, dia ada ni (menunjukkan minit di dalam jam beliau). Okay [Baiklah], maksudnya kita dah [sudah] pakai, pasang benda itu dekat bom tadi nak [hendak] patah balik makan [ambil] masa berapa minit. So [jadi], kita boleh nilai berapa masa kita nak set [tetapkan] pada Dart Disposal ni [ini] untuk kita sampai balik dengan selamat, sebelum bom ni [ini] meletup, kalau kita salah setting [salah tetapkan], kita balik, belum sampai ke tempat selamat pun dah [sudah] meletup, kita mati. So [jadi], banyak kena guna otak. Kerja ni [ini] rumit. So [jadi], saya pergi balik, masa saya pergi tu [itu], masanya lebih kurang lima belas minit (15 minit), berjalan dalam keadaan biasa bukan berlari, jalan biasa bukan berlari kalau berlari masa sudah tidak tepat. Kita kena berjalan, ikut langkah kita sampai lebih kurang lima belas minit (15 minit), maknanya lima belas minit (15 minit) dan patah balik pun lima belas minit (15 minit), setengah jam. Berapa masa saya kena buat, kena set [tetapkan]. Saya kena set [tetapkan] lebih kurang empat puluh lima minit (45 minit), maknanya



AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

ada baki lagi lima belas minit (15 minit) untuk saya ambik tempat perlindungan. Okay [Baiklah], bincang punya bincang, benda in [ini] baru di beli, Dart Disposal belum ada kursus so [jadi] cuma ada buku pamphlet [risalah]. Saya hanya baca buku pamphlet [risalah] semua tulis dalam bahasa inggeris. Dekat situ, dekat team [pasukan] yang saya pergi ni [ini], pegawai dengan lain-lain, semua kurang bahasa inggeris, boleh tu [itu] boleh lah tapi tak [tidak] berapa nak [hendak] faham Bahasa Inggeris. Saya ni [ini] bolehlah sikit. Saya baca-baca, Okay [baiklah] tuan, macam ini macam ini, kita kena pasang macam ini, masa macam ni [ini]. Oo macam tu [itu], okay [baiklah], you [awak] pergi, saya pergi. Sebelum pergi masa itu semua turun, Datuk KP ketua polis KL [Kuala Lumpur] turun, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah semua turun, tok imam surau pun turun, tok imam surau tempat saya duduk dekat berek dulu [dahulu] turun. Kawasan itu berlaku di Brickfields, kawasan Brickfields. KL Sentral ni [ini] di bawah pentadbiran IPD [Ibu Pejabat Daerah] Brickfields, tok imam surau pun turun, masa itu saya ingat Ketua Polis Daerah Brickfields [ACP Koh Hong Sun], dia pernah jadi [Ketua Polis Pulau Pinang] sekejap sebelum dia pension [bersara]. Okay, [Koh Hop Sang]ni [ini] bagitahu [beritahu] dekat imam, ustaz mail [Ismail] ini, Okay [baiklah], ini Rosli nak pergi you [imam surau] tolong doa, seorang cina, Rosli nak pergi tackle [kendali] bom ini, you [imam surau] tolong doa. "Kita kesian lah nanti kalau dia mati, anak bini siapa nak bagi makan, doa bagi dia selamat". Okay [baiklah] lepas itu, panjang ke, kemudian, saya dah [sudah] pergi bawa [Dart Disposal] dan pasang. Saya balik ke tempat selamat tapi sebelum tu penilaian saya pada bom berkenaan, saya dapat maklumat daripada tentera, tentera datang sehari sebelum, hari pertama dia bawa dia punya buku riwayat bom zaman-zaman dulu, zaman-zaman perang British. Riwayat bom itu pun simpan, dekat sini pun kena simpan, kalau jumpa tu [itu] kami akan rujuk. Sebenarnya bom ini ada tiga fuis, fuis depan sudah dibuka oleh Bangla tinggal fuis tengah dengan fuis belakang. Fuis ini adalah satu alat utama untuk meletupkan bom ini selepas di lancarkan daripada kapal terbang ke darat, air to land kalau fuis depan gagal, fuis tengah masih ada, kalau fuis tengah gagal, fuis ekor [belakang]masih ada, sebab itu lah kalau tengok dalam Youtube ataupun movie perang dulu-dulu nampak tak [tidak] bom itu jatuh daripada udara ke darat, dia akan berpusing ekor [belakang] ini, lepas itu dia akan berhenti itulah fuis. Dia akan pusing macam geligat, dia akan meletup. Okay, selepas saya

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

pergi, tuan bom ni [ini] masih ada lagi dua fuis yang belum berfungsi. Fuis depan dah (sudah) dibuka oleh Bangla tadi, dia ingatkan mulut tempayan, saya pergi saya pasang, balik ke tempat selamat. Semua datang peluk saya termasuk lah OCPD [Officer Commanding Police District], Datuk KP [Ketua Polis] masa itu saya tak ingat datuk apa datang peluk saya. Lepas tu [itu] pegawai saya [Tuan Nasir], "Pasang berapa second (saat)", empat puluh lima minit (45 minit) tuan. Masa you [awak] pergi lima belas (15 belas), lima belas (15 belas). Berbaki lagi lima belas minit (15 belas minit), kami duduk di balik tiang LRT [Light Rail Train] dan sebelum saya pergi ke bom tu [itu], seluruh pergerakan LRT [Light Rail Train], jalan raya, trafik, kawasan lalu lintas, kawasan jalan bangsar, LRT [Light Rail Train], semua stop [berhenti] selama empat jam (4 jam). Kami terpaksa bagitahu [beritahu] dekat Bilik Gerakan, bagitahu [beritahu] dekat stesen kereta api, bagitahu dekat muzium kosongkan, bagitahu dekat emporium kosongkan dan sekolah kosongkan, semua kosongkan selama empat jam (4 jam). Maknanya hari yang saya pergi tackle [kendali] bom tu [itu] Kuala Lumpur jammed [sesak] empat (4) jam, melebihi empat jam (4 jam), KL [Kuala Lumpur]. Jalan Bangsar, jalan utama depan muzium tu [itu] empat jam (4 jam) lebih jammed [sesak], jammed [sesak] yang sangat teruk. Kami terpaksa tutup, kami takut benda ni [ini] jadi total [keseluruhan] letusan sebenar, letusan yang di luar jangka sebab dia dah [sudah] kritikal. Semasa saya hampiri bom tu [itu] tadi, bom ni [ini] dia, bangla [Bangladesh] ini dia dah [sudah] angkat kren dan letak betul-betul tanah yang senget, tunggu masa nak [hendak] bergolek. Saya sampai dekat bom itu, saya nak pasang alat tadi terpaksa sangat berhati-hati. Kalau saya silap bom itu bergolek, saya pun hancur, tunggu nak [hendak] pusing dia punya fuis. Saya pergi macam ni [ini], pegang alat very slowly [sangat perlahan], very carefully [sangat berhati-hati], you [awak] tak [tidak] boleh gopoh gapah, kena hati-hati sangat. Maksudnya you (awak) kena tahan nafas kalau you [awak] pegang bergoyang macam mana akan jadi, tau [tahu] sendiri kan, you [awak] takkan balik dah [sudah]lepas [selepas] itu, you [awak] kena tahan nafas, peluh toksah [tak usah] cerita, peluh jantan semua keluar, habis semua baju basah dengan peluh, peluh kerana takut, peluh kerana berani pun ada, peluh kerana nak [hendak] kan selamat. Bila saya pasang saya balik ke tempat selamat dan duduk di sebalik tembok, tiang LRT [Light Rail Train] sebab LRT [Light Rail Train] pun dah [sudah] tutup. Kereta api, komuter semua dah [sudah] tutup tak

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

[tidak] boleh jalan selama empat jam (4 jam), kami semua duduk situ dan tunggu masa meletup, masa dia [bom] nak [hendak] meletup. Saya masa itu berdoa balik dengan tok iman dengan semua ada dekat situ; "Ya Allah Ya Tuhanku, selamatkanlah bom ni [ini] dan janganlah bagi dia [bom] meletup total (keseluruhan) dan bagilah ia jadi *Low Order*[Letupan Terkawal]". Maksudnya bom itu pecah, sifat dart [Dart Disposal] itu akan masuk ke dalam bom itu, dia akan bakar bahan letupan. So [jadi], sampai minit yang ke empat puluh lima (45 puluh lima), saya pun ambil pembesar suara daripada kenderaan, saya akan bagi warning [amaran], sebelum. Lagi lima ataupun enam saat nak meletup saya akan bagi warning [amaran] pada semua public [awam] yang ada dekat situ tak [tidak] kiralah petugas ke pa ke, trafik [polis trafik] ke sapa yang jaga jalan, saya akan bagi squad "letupan akan berlaku dalam masa lima saat dari sekarang, ambil perlindungan, ambil perlindungan", tiga kali saya ulang, semua kena down [jatuh] termasuk saya pun kena down [jatuh] di tanah. Okay, [baiklah] down! lima saat lagi letupan akan berlaku, ambil perlindungan, saya akan kira lima, empat, stopwatch [jam randik] ada pada saya, tiga, dua, satu (5,4,3,2,1) DUMM, dia [bom] meletup bukan bom meletup Dart Disposal alat tadi yang meletup dan tembak dalam body [badan] bom yang tebal tadi tu [itu] kemudian saya nampak asap, dia [Dart Disposal] meletup tu [itu] nampak cahaya sikit lah daripada tebing tadi, benteng tu [itu] nampak cahaya sikit, saya doakan supaya tak [tidak] berlaku total [keseluruhan] tapi bila dia meletup, letupan kecil berlaku bukan letupan besar makna kata Dart itu berfungsi. Dia dah [sudah] tebuk body [badan] bom itu dan nampak asap keluar dari tebing 10 kaki. Benteng itu sebenarnya kami buat sepuluh kaki (10kaki) itu, pemaju buat dia ada pintu masuk bagi senang masuk dan senang keluar. Kalau dia [bom] meletup total [keseluruhan] pun serpihan bom itu takkan terpelanting keluar, dia [serpihan] akan absorb [serap] di benteng tanah tu [itu]. Okay [Baiklah], kami tunggu berasap berasap berasap, tiba-tiba berlaku satu letupan BUMM... fuis tengah meletup, dia meletup seolah-olahnya seperti sebutir bom mortar, fuis tengah meletup BANG! Tapi meletup dekat situ je lah [berada disitu]. Tunggu lagi, asap keluar sehitam-hitamnya daripada bom tadi, bakar-bakar lagi sampai lebih kurang setengah jam, meletup fuis belakang pula BANG! Lagi kuat fuis belakang. Fuis belakang lebih kuat daripada fuis tengah, fuis depan dah [sudah] takda [tiada]dah bangla tu [itu] buka. So [jadi], bila meletup fuis belakang, saya

nampak satu benda terpelanting daripada benteng itu dia keluar daripada benteng itu pusing pusing jatuh dekat tepi jalan raya, serpihan bontot [belakang bom] dia jatuh dekat tepi jalan raya. Okay [baiklah], kami punya SOP, apabila dah tackle [kendali] bom tu [itu], kami tak [tidak] boleh hampiri bom tu [itu] selepas dia dah [sudah]di letupkan, tak [tidak] boleh hampiri bom itu, dia ada prosedur dia, kita panggil dia Socktime. Socktime ini maksudnya masa menunggu selamat. Masa menunggu selamat ini maksudnya tiada lagi asap, tiada lagi api, tiada apa-apa, dah [sudah] tiada apa-apa barulah kamu boleh pergi. Masa itu wartawan dah [sudah] terkam[datang]nak [hendak] pergi ambil gambar saya kata no no no, tunggu tunggu, tunggu asap habis tunggu api habis, masih bahaya sehinggalah kami tunggu sampai satu jam lebih, tunggu asap dia habis, tunggu api dia habis barulah kami hampiri untuk wartawan dan apa semua pergi ambil gambar untuk masukkan dalam surat khabar. Selepas itu, pihak-pihak yang ada disitu datang peluk saya lagi sekali "Alhamdulillah selamat Li", takpa [tidak apa] lepas ni [selepas ini] kumpul semua pergi restoran [Rubiah Suparman] yang pelakon tu ada satu pelakon dulu-dulu [waktu terdahulu], dia ada buka restoran dekat Brickfields, pergi restoran tu [itu] jom kita makan, dah selamat, barulah kami lepaskan LRT [Light Rail Train], kereta api, lepaskan monorel, semua boleh jalan, barulah Kuala Lumpur kembali tak [tidak] jammed [sesak] masa itu. Dan public [awam] semua masuk ke pejabat balik, masuk ke emporium balik. Masa tu [itu] takda [tiada] handphone [telefon bimbit], saya sampai dekat restoran itu dan apa yang saya cari adalah public phone [telefon awam], call [telefon] rumah cakap abah selamat, Alhamdulillah. Bunyi letupan tadi boleh kedengaran bunyi tiga letupan. Letupan pertama sekali letupan *Dart Disposal*, yang kedua fuis dan yang ketiga fuis belakang boleh kedengaran sampai rumah saya. Saya duduk berek tinggal tingkat sepuluh (tingkat 10), orang rumah [isteri] saya cakap bom tadi meletup boleh dengar sampai rumah, jauh rumah saya boleh dengar, bukan bom itu meletup tapi fuis itu meletup. Fuis 1, 2, 3, tiga kali letupan, saya terus call [membuat panggilan] rumah saya, semua menangis dan orang rumah saya [isteri beliau] terus call [membuat panggilan] mak mertua. Saya takda [tiada] mak dan bapa dah [sudah], meninggal lama, call [membuat panggilan], "Rosli selamat, Alhamdulillah". Masa saya call [membuat panggilan] tu[itu] air mata saya keluar [mengalir], saya menangis, saya menangis kerana dua sebab, satu sebab kerana saya selamat Allah

panjangkan umur saya, lepas tu [itu] Allah selamatkan nyawa orang sekeliling, beribu manusia, beribu nyawa yang sebab kedua saya immediate [sepintas lalu] belajar Dart Disposal dekat situ sahaja dan saya belajar melalui phamplet [risalah] dekat situ, saya rasasyukur sangat, apa saya belajar dekatsitu menjadi, Allah tolong saya, Allah bantu saya kemudian saya pun, lepas makan apa semua kamibaliklah ke balai nak [hendak] buat report [laporan], setiap kali kami tackle [kendali] bom, sama ada jerangkap samar ataupun apa ni [ini] bom lama kami kena buat satu laporan polis mengatakan selepas tindakan, jam sekian sekian, guna alat sekian, alat sekian, anggota berapa orang, pegawai berapa orang dalam keadaan selamat, itu report cover tetapi apabila saya sampai dekat balai you [awak] pecah kena bom, kami kena jawab sebab kecuai kami. Kami tak sangka benda tu [itu] akan tolak batu keluar daripada banteng, batu itu terpelanting. Lepas [selepas] itu, terpaksa kami cerita dekat India tu [itu], Okay [Baiklah], you [awak] buat report [laporan], you [awak] kalih [perbetul], cermin pecah terkena batu sebab orang mesin rumput. Itu sahajalah dia cover [lindungi] lah sebab cermin pun dia tak [tidak] ambik [ambil] insurans pun cermin, jadi ganti lah. Itulah cerita pengalaman ngeri saya sepanjang saya berkhidmat, paling ngeri yang tu [itu] lah sebab nyawa saya pada masa tu [itu], Ya Allah tahu, faham-faham je [sahaja] lah. Okay [Baiklah], setakat ini dahulu cerita ini, ada apa-apa lagi soalan?

## RAKAMAN 2

**Fatin :** Senaraikan operasi yang pernah sarjan terlibat?

**Sarjan :** Okay [Baiklah], pertama sekali operasi bom ni [ini] kita panggil dia operasi *Ops Bungakita* tak [tidak] boleh sebut bom sebab dia akan jadi gempaq [gempar], crowd [orang ramai] akan panic [cemas], kita panggil [Ops Bunga]. [Ops Bunga] ini simbolik kepada bom yang mengembang, meletup secara mengembang dan operasi itu digunakan sepanjang masa [Ops Bunga] lah, dan saya juga pernah terlibat dalam operasi [Op Wawasan], operasi macam-macam lagi dalam polis ni [ini] banyak operasi dia, [Op Roda], [Op Noda]. Ops Noda ini maksudnya operasi pelacuran dipanggil Ops Noda. Lagi satu Ops Rantau, operasi kepada pendatang tanpa izin dipanggil Ops Rantau, dia [Ops

Rantau] ada kod dia, tak [tidak] boleh ubah, itulah dia. Ops Wawasan adalah satu Ops yang digunakan untuk semua sempadan di Malaysia termasuklah di sempadan Filipina, sempadan Thailand, merata-rata sempadan kita gunakan ini Ops Wawasan.

**Fatin :** **Seterusnya, saya nak masuk berkenaan Ops Wawasan, bolehkah sarjan bagitahu bilakah krisis pemerdagangan bermula?**

**Sarjan :** Okay [Baiklah], pemerdagangan manusia di Ops Wawasan yang saya terlibat di sempadan Malaysia-Thailand, saya terlibat pada tahun dua ribu lima belas (2015) tetapi kajian kami menunjukkan bahawa pemerdagangan manusia ni [ini] berlaku lebih awal daripada itu. Maksudnya mungkin dua ribu tiga belas (2013) ataupun dua ribu sebelas (2011) sebab daripada situasi yang kami tengok di kem-kem yang kami jumpai di dalam hutan, di sempadan itu menunjukkan benda ini dah [sudah] lama, dah [sudah] lama berlaku sebab binaan kem tu [itu] kukuh siap ada generator [penjana] complete [lengkap] dalam tu [itu], ada surau, ada apa semua, itulah dia.

**Fatin :** **Berapa bilangan anggota yang ditugaskan mengikut menyertai operasi ini?**

**Sarjan :** Okay [Baiklah], aaa (berfikir), kami menyertai operasi itu bagi pihak saya Unit Pemusnahan Bom ni [ini] melibatkan empat (4) orang, empat (4) orang. Kami pun tak (tidak) ramai yang pakar cuma masuk je, yang ada pengalaman, yang takda (tiada) pengalaman kami tak (tidak) masukkan berlaku kemalangan. Kami masuk berbagai unit dalam, dalam operasi tu [itu]. Saya daripada Unit Pemusnahan Bom, pihak PGA, Pasukan Gerakan Am, Forensik, SB [*Special Branch/Cawangan Khas*] dan banyak lagi cawangan. Kalau nak [hendak] ikutkan satu batalion lah kami masuk, satu batalion ni [ini] melibatkan kalau PGA, *Pasukan Gerakan Am*, dia melibatkan tiga (3) company [kumpulan], sorry [maaf] bukan tiga (3) company [kumpulan], tiga (3) plantun, satu (1) company [kumpulan] ada tiga (3) plantun. Tiga (3) plantunni [ini] satu (1) plantun



seratus (100) orang. Jadi you [awak] calculate [kira] lah berapa, campur dengan unit-unit yang tertentu ni [ini] masuk dalam tu [itu], lebih kurang dekat empat ratus (400) orang lah, lebih kurang campur-campur semua, kalau kita masuk dalam tu [itu] tapi [tetapi] kami masuk dalam tu [itu] secara bergilir, kami bentuk team [pasukan], team [pasukan] A, B, C, kerja memenatkan, tak [tidak] boleh berterusan orang yang sama. Kami akan kembali ke Markas Tektikal kita panggil juga Martek, Markas Tektikal kami tempatkan di sebelah Balai Polis Wang Kelian, sebelah situ, dan juga tempat pendaratan helikopter.

**Fatin : Pasukan ini terdiri daripada beberapa Inspektor dan Sarjan? Maksudnya berapa bilangan Sarjan dan Inspektor?**

Sarjan : Okay [Baiklah], kalau kata dalam unit saya hanya seorang sarjan dan seorang pegawai saja dalam unit saya tapi [tetapi] dalam unit yang lain-lain tu [itu] adalah dia punya pangkat-pangkat tertentu, selalunya kalau dalam satu (1) plantum PGA [*Pasukan Gerakan Am*], dia ada satu (1) pegawai dan satu (1) sarjan, kalau kita masuk tiga (3) plantum boleh calculate [mengira] lah berapa kan termasuk juga pihak forensik, pihak SB [Special Branch] dan lain-lain unit.

**Fatin : Bagaimana aktiviti pemerdagangan dapat dihidu?**

Sarjan : Okay [Baiklah], aktiviti ini dikesan oleh pihak Thailand, pihak Thailand pun saya tak [tidak] pastilah macam mana diorang [pihak Thailand] dapat kesan maklumat ini sampai ke Malaysia pun secara sulit. Jadi apabila jumpa ratusan mayat di tempat itu, tempat yang mula-mula kem yang pertama tu [itu], cuma pihak Thailand tak [tidak] pasti sama ada kawasan tu [itu] adalah kawasan Thailand ataupun kawasan Malaysia sehinggalah dipanggil unit, Jabatan Pemetaan Negara, kedua-dua negara Thailand dan juga Malaysia masuk buat cerapan. Cerapan tu [itu] maps ataupun contour [garisan], maps [peta] ni [ini] peta, mendapati kawasan tu [itu] adalah kawasan Malaysia, confirm [pastinya] kawasan Malaysia. Itulah maklumat yang dapat.

**Fatin :** **Apakah negara yang terlibat?**

**Sarjan :** Okay [Baiklah], negara yang terlibat semasa Operasi Wawasan ini adalah hanya dua (2) negara, Malaysia dan Thailand. Tetapi, akhirnya terpaksa dipanggil wartawan daripada seluruh negara, seluruh dunia, wartawan daripada seluruh dunia datang terutama CNN[Cable News Network] dan lain-lain masuk sekali dalam operasi ni [ini] kerana kawasan berlakunya sindiket ini pemerdagangan manusia adalah kawasan antarabangsa, ya, sempadan antarabangsa, sebab tu [itu] dia melibatkan wartawan luar negara datang.

**Fatin :** **-- Dimanakah lokasi tersebut?**

**Sarjan :** Okay [Baiklah], lokasi itu berlaku di kawasan sepanjang sempadan bermula daripada Wang Kelian menganjur hingga saya tak [tidak] tahu berapa ratus kilometer [km] panjang sempadan Thailand lah. Sebenarnya daripada kem yang mula-mula dijumpai hanya satu (1) kem, lepas tu [itu] dapat kami kesan lagi ada lagi sejumlah lagi tiga puluh(30) kem lagi sepanjang sempadan. Jadi yang mengesan kem-kem ini adalah pihak Polis Hutan ataupun PGA [*Pasukan Gerakan Am*] orang asli, kita ada PGA [*Pasukan Gerakan Am*]orang asli berpangkalan di Keroh, Perak dan juga di Bidor, Perak. Hanya ada dua (2) kem polis orang asli. Diorang [orang asli] ini bertugas sebagai tracker [penjejak lokasi], diorang [orang asli] pandai menghidu, dia polis orang asli. Okay [Baiklah], dia [polis orang asli] sebenarnya polis orang asli ni [ini] dia tidak duduk di balai-balai, dia [polis orang asli] hanya duduk di Pasukan Polis Hutan sahaja.

**Fatin :** **Apakah jenis kelengkapan polis yang dibekalkan ketika operasi tersebut?**

**Sarjan :** Okay [Baiklah], kelengkapan PDRM [*Polis Diraja Malaysia*]ni [ini] senjata api sudah tentu sebab sudah masuk sempadan Thailand, bahaya kita tak [tidak] tahu bahaya senjata api dah masing-masing kena bawa tapi bagi unit saya, saya kena bawa alat-alat mengesan jerangkap samar iaitu dipanggil alat *Metex. M-E-T-E-X, Metex. Metex* ini adalah untuk mengesan logam, okay [



baiklah], hirisan logam ataupun bahan letupan yang ada apani litar. Okay [Baiklah], selalunya bahan letupan ataupun jerangkap samar ni [ini] dipasang menggunakan litar, circuit. Circuit [litar]ni [ini] menggunakan bateri. Alat-alat yang kami bawa ni [ini] adalah Metex ni [ini] lah, alat mengesan jerangkap samar, dia [Metex] boleh kesan sebarang metal [logam] di dalam tanah sehingga kedalaman tiga (3) kaki. Okay [Baiklah], alat ini. So [jadi], alat ini kita bawa seorang satu, berat toksah [tidak usah] cerita, senjata lagi dengan makanan lagi dengan nak [hendak] panjat bukit lagi. Perjalanan daripada bawah keatas untuk sampai ke kem pertama memakan masa lebih kurang empat (4) jam berjalan kaki, panjat bukit, lereng bukit, cenuran, tebing. Kalau jatuh memang habis [mati].

**Fatin :** **Bagaimana sarjan dan pasukan berangkat ke lokasi?**

**Sarjan :** Okay [Baiklah], kami daripada, sebenarnya operasi ni [ini] berlaku dalam kawasan negeri Perlis. Jadi, kami dalam Unit Pemusnahan Bom ini dia ada cooperate [bekerjasama] antara zon, kami di utara ni [ini] di kira zon Perlis, Kedah,Perak. Zon, satu zon utara ni [ini], kami tiga (3), eh Penang, sorry [maaf] ada empat (4) negeri, Penang, Kedah, Perlis, Perak. Okay [baiklah], dia ada empat (4)negeri ni [ini] di zon utara. Kalau berlaku sesuatu operasi yang memerlukan bantuan, kita boleh ambik daripada zon-zon berkenaan. Dalam masa operasi ni [ini] pihak Perlis dah [sudah] minta bantuan Kedah sebab [kerana] Kedah adalah paling dekat dengan Perlis. Okay [baiklah], so [jadi], kami berangkat ke sana menggunakan kenderaan polis dan apabila sampai di Markas Tektikal, kami terima taklimat kawasan kami akan masuk, kem yang ke berapa kem yang ke berapa, jadi kami masuk ke lokasi itu dengan cara berjalan kaki.

**Fatin :** **Jangka masa operasi ini?**

**Sarjan :** Okay [Baiklah], tempoh jangka masa yang saya masuk secara bergilir-gilir, saya masuk seminggu ataupun lebih seminggu seperti mana yang dikehendaki oleh pegawai dipanggil Ground Commander [Komander], dia ada

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

Ground Commander [Komander] akan monitor [awasi] semua ni [ini] bergantung pada dia, kalau dia kata unit ni [ini] masuk seminggu, kita duduk [tinggal] seminggu, kita change over [tukar] unit lain akan masuk menggantikan tempat kita dan kalau dia [Komander] kata masih memerlukan dua (2) minggu, tunggu lah dalam tu [itu]. So [jadi], bagi saya hari tu [itu] masuk seminggu lebih, sembilan hari (9 hari) saya berada di dalam hutan, sembilan hari (9 hari).

**Fatin :** **Siapakah rakan-rakan sepasukan yang paling rapat ketika dalam operasi ini?**

**Sarjan :** Okay [Baiklah], rakan sepasukan yang paling rapat, kita unit kita dah (sudah) memang rapat lah, empat (4) orang tadi dan pihak Pasukan Gerakan Am [PGA] yang rapat dengan kita. Jadi, kita masak sama-sama, ration [bekalan makanan] yang kita bawak [bawa] tu [itu] kita masak kita makan sama-sama dalam hutan. Kita pi[pergi] ambik [ambil] air sama-sama, masak sama-sama, share-share [berkongsi] lah masakan.

**Fatin :** **Apakah reaksi keluarga sarjan semasa mengetahui sarjan ditugaskan untuk menyertai operasi tersebut?**

**Sarjan :** Okay [Baiklah], pihak family [keluarga] saya anak, isteri memanglah rasa risau selagi saya belum kembali ke rumah, untuk kembali ke pejabat diorang [mereka] masih dalam keadaan risau, sebabnya kita masuk ke sana ke dalam operasi itu selama sembilan hari (9 hari) saya ada dalam hutan. Handphone [telefon bimbit] hanya boleh guna setakat dua hari (2 hari) sahaja, kemudian akan putus hubungan kerana ketiadaan bateri, kita bawa powerbank pun setakat mana boleh tahan, mungkin setakat dua hari (2 hari) dah [sudah] member [kawan] cucuk [cas] sana cucuk (cas) sini dah [sudah] habis. Selepas dua hari (2 hari) kita lost contact [putus hubungan] dengan family [keluarga], so [jadi] tak [tidak] tau [tahu] apa-apa sama ada kita hidup atau mati dekat situ family [keluarga] tak [tidak] tau [tahu]. Okay [baiklah].

### RAKAMAN 3

**Afifah :** **Apakah perasaan sarjan ketika sampai di lokasi kejadian?**

**Sarjan :** Okay [Baiklah], pertama sekali saya sampai di tempat kejadian itu saya tak [tidak] dapat gambaran langsung apa ni situasi tempat pemerdagangan manusia ini. Kami hanya tengok maps [peta] tak [tidak] tahu situasi dalam itu macam mana sebab pihak rekey [perisik] orang asli ni [ini] masuk stay [tunggu/jaga] kat [dekat] dalam. Dia akan guide [pandu] kami masuk melalui set [tetapan] dengan ini masuk sini masuk sini, ada lah anggota PGA [*Pasukan Gerakan Am*] yang akan masuk. Jadi, kami tidak tahu situasi itu macam mana sehingga sampai di tempat kejadian dan barulah kami nampak situasi yang sebenar. Bila sampai pihak rekey [perisik] polis orang asli ini, polis PGA [*Pasukan Gerakan Am*] orang asli ini tunjuk dekat kami inilah mayat, inilah kubur yang di tanam, inilah kem, baru satu kem.

**Afifah :** **Bagaimana keadaan lokasi tersebut?**

**Sarjan :** Okay [Baiklah], kem lokasi tersebut yang kami sampai mula-mula sekali terdapat tiga ratus(300) kubur yang di tanam, lebih kurang tiga ratus(300) kubur atau lebih sebab kami tak [tidak] pasti sebab mayat-mayat pun sudah banyak yang hancur dah [sudah] reput. Jadi, situasi tempat tu [itu] amat menyedihkan. Kami jumpa mayat perempuan di atas bangsal bersama baby [bayi] dah [sudah] mati dah [sudah] reput hanya ada rambut lagi, rambut. Tapi [tetapi] kebanyakan rambut hancur, bau yang amat meloyakan, dan kami juga pergi tengok kubur yang telah ditanam mayat-mayat tadi yang ditanam hanya sedalam sekaki sahaja daripada paras bumi, paras bumi, sekaki. Kebanyakan mayat itu dah [sudah] dikorek keluar oleh binatang buas babi dan lain-lain binatang buas dah [sudah] korek mayat itu dan tengkorak dah [sudah] bersepah merata-rata, bau dah [sudah] keluar. So [jadi], kem yang pertama yang saya sampai tu [itu], dia punya binaan rumah banyak yang dah [sudah] runtuh mungkin di sebabkan dah [sudah] di tinggalkan lama berpindah ke kem baru. Daripada situ lah kita suspek [syak] bahawasanya ada kem lain sebab diorang [mereka] ni [ini] berpindah, kami nampak situasi di situ macam dah [sudah] berpindah ke kem lain.

**Afifah :** Adakah sarjan dapat bertemu dengan mangsa yang masih hidup?

**Sarjan :** Mangsa yang masih hidup dah [sudah] dikeluarkan lebih awal dah [sudah] diserahkan kepada pihak imegresen jadi tak [tidak] dapat kami jumpa dengan mangsa-mangsa yang masih hidup tapi daripada maklumat kami terima daripada imegresen bahawasanya mangsa masih hidup ini seorang perempuan, ada keluar surat khabar dia punya muka gambar mangsa ni [ini]. Dia bagitahu [beritahu] dia diseksa, dirogol dan macam-macam yang dibuat dalam itu. Mekan cuma sehari sekali ada keluar surat khabar, saya pun tak [tidak] ingat surat khabar bila sebab dah [sudah] lama tak [tidak] keluar.

**Afifah :** Siapakah golongan mangsa yang terlibat, adakah wanita sahaja?

**Sarjan :** Okay [Baiklah], rata-rata yang menjadi mangsa sindiket ini pemerdagangan manusia ini adalah kebanyakannya bercampur-campur ya. Saya pun tak [tidak] pasti mayat, kebanyakkan wanita itu pun ada, lelaki pun ada, kanak-kanak pun ada.

**Afifah :** Apakah punca utama kematian mangsa?

**Sarjan :** Daripada penilaian kami, melihat pada mayat dan juga kubur, penilaian saya macam mana mangsa ini meninggal adalah disebabkan tidak ada pemakanan, pemakanan yang sesuai seperti mana yang didakwa oleh mangsa yang yang hidup yang dapat ditemu duga oleh imegresen ni [ini], makan hanya sehari sekali dan mereka ni [ini] ditempatkan dikandang, kandang seperti buluh, sangkar dan juga lubang tanah yang diletakkan buluh di atas tanpa perlindungan daripada hujan dan matahari, tidur pun dekat situ, semua dekat situ, buang air besar pun. Maka kehi-dupan, penghidupan diorang [mereka] ni [ini] dalam sangkar ni [ini] tawanan ni [ini] adalah memang seolah-olah diseksa lah, seolah-olah diseksa.

**Afifah :** Semasa operasi tersebut adakah sarjan bertemu dengan pihak penyeludup?

Sarjan : Okay [Baiklah], pihak penyeludup ni [ini], ada satu malam tu [itu] saya sendiri tak [tidak] bertemu cuma didakwa oleh pihak *Pasukan Gerakan Am* [PGA] yang berkawal malam. Keesokkan paginya dia bagi tahu [memberitahu] dia ada bertembung, pihak penyeludup ini lalu tapi [tetapi] dalam keadaan jauh lah, tak [tidak] boleh nak [hendak] di buat apa-apa dan masa bukan bertembung sebenarnya cuma diorang [mereka] lalu mungkin nak [hendak] hala ke mana pun kita tak [tidak] tahu, cuma kita tak dibenarkan tembak. CUT [POTONG].

#### RAKAMAN 4

Sarjan : Okay [baiklah].

**Afifah : Sat sat. (Sebentar). Adakah sesiapa daripada pasukan yang tercedera ketika operasi tersebut?**

Sarjan : Okay [baiklah] buat masa [semasa] saya masuk di [ke] operasi berkenaan dapati tidak ada sesiapa yang tercedera, melainkan ada yang sakit, demam dalam hutan tu [itu] biasa lah.

**Afifah : Apakah bekalan makanan yang dibawa semasa operasi tersebut?**

Sarjan : Okay bekalan makanan yang kami bawa, kami ambik [ambil] daripada Martek [Markas Tektikal] iaitu Markas Tektikal ration. Ration [bekalan makanan] Pasukan Polis Hutan [sekarang dikenali sebagai Pasukan Gerakan Am]. Biasalah dalam ration [bekalan makanan] tu [itu] ada beras, ada sardin, ada maggi [mee segera], ada quacker oat [biskut bijirin] apa semua lah dalam tu [itu]. Setiap ration [bekalan makanan] yang kami [mereka] bawak [bawa] tu [itu] adalah bekalan untuk seminggu. Tapi [tetapi] selalunya kami [mereka] masuk takkan [tidak akan] sorang [seorang]nak [hendak]bawak [bawa] untuk seminggu, kami akan share [kongsi]. Kalau tidak, berat, dengan alat lagi, senjata lagi kami terpaksa share [kongsi]. Okay [baiklah], you [awak] bawak [bawa] beras, I [awak]bawak [bawa] sardin, you [awak] bawak [bawa]bawang,

you [awak]bawak [bawa] minyak. Sampai dalam masak, share [kongsi] ramai-ramai.

**Afifah : Adakah bekalan mencukupi?**

Sarjan : Alhamdulillah bekalan mencukupi. Cuma bekalan yang kurang mencukupi itu di saat-saat akhir kami [mereka] lagi dua hari nak [hendak] keluaq [keluar] lagi tiga hari nak [hendak] keluaq [keluar] daripada operasi itu. Kami adalah, biasalah perokok-perokok tegar kan. Perokok-perokok tegar ni [ini] nak [hendak] order [pesan] itu ini terpaksa order [pesan] lah benda tu [itu] kan dengan helikopter hantar dalam ni [ini]. Itupun selepas kami buat LP [*Landing Point*]. LP [*Landing Point*] ni [ini] maksudnya *Landed Point*, Landing Point untuk heli (helikopter). Okay [baiklah].

**Afifah : Dimanakah sarjan dan pasukan bermalam?**

Sarjan : Okay, kami [mereka] bermalam di dalam hutan. Di sebelah kem-kem pelarian inilah. Disebelah mayat-mayat yang masih ada, di sebelah tengkorak-tengkorak yang masih ada, kami bermalam disitu lah. Bersebelahan mayat. Keliling kami semua mayat.

**Afifah : Bagaimanakah tugas dibahagikan pada waktu malam?**

Sarjan : Okay [baiklah] di waktu malam pihak saya, unit saya tidak terlibat dengan tugas sebab kami [mereka] pun ada prosedur SOP [*Standard Operating Procedure*] macam [seperti] mana saya ceritakan tadi. Selepas bendera turun pukul enam petang, hingga enam pagi kami [mereka] tak [tidak] terlibat. Kami hanya duduk di khemah. Cuma pihak PGA [*Pasukan Gerakan Am*] lah yang buat pemantauan waktu malam. Sentry [pengawal] di sekeliling tempat base [pangkalan] kami [mereka] di atas tu [itu] lah, di atas bukit.

**Afifah :** **Sepanjang operasi tersebut, apakah tekanan yang dirasakan?**

**Sarjan :** Okay [baiklah], tekanan ini memang berat lah. Pertama sekali bila nak [hendak] masuk, kami [mereka] diberitahu oleh rekey [perisik]. Rekey [perisik] pihak Sungai Perak, ataupun polis orang asli ini, dia [polis orang asli] bagitau [beritahu] perjalanan cik dari bawah sini tempat kita [mereka] turun lori nak [hendak] ke atas lebih kurang empat (4) jam, baru sampai satu (1) kem yang pertama. Cara berjalan kaki panjat bukit, itulah menyebabkan kami tekanan. Dan saya pesan dengan [kepada] anggota saya, kalau [jika] kita naik bukit, kita jangan psycho [beri tekanan kepada] otak kita. Kita jangan psycho [beri tekanan kepada] kita punya minda. Okay [baiklah]. Kita naik bukit, selagi tak [tidak] sampai atas you [awak] jangan tengok atas. You [awak] tengok [lihat] bawah, you [awak] terus panjat. Kalau you [awak] tengok atas, bukit tu [itu] akan psycho [beri tekanan kepada] you [awak], ohh, jauh lagi nak hendak sampai. Jauh lagi nak [hendak] sampai. You [awak] jangan tengok atas. You [awak] tengok [lihat] bawah ja [sahaja], you [awak] terus panjat [daki], you [awak] akan sampai. Kalau you [awak] tengok atas hati you [awak] cakap jauh lagi nak [hendak] sampai. Daripada situ you [awak] punya semangat akan jadi lemah, psycho [tekanan], okay [baiklah].

**Afifah :** **Apakah bahan bukti yang ditemui di lokasi operasi?**

**Sarjan :** Okay [baiklah], bahan bukti yang ditemui kebanyakannya mayat-mayat, kubur, tengorak-tengkorak manusia yang dah [sudah] mati, ada yang masih baru, ada yang masih lama dan perkhemahan ataupun kem yang dia orang [mereka] buat dengan begitu rupa [cantik]. Maksudnya kem ini dibuat dengan kemas lah walaupun dengan bahan-bahan hutan, kayu-kayu hutan amat kemas, cantik lebih kurang macam cerita 'Rambo' dalam filem tu [itu], memang sangat cantik. Siap ada dengan generator [janakuasa] sekali, kem yang ketiga (ke-3) saya pergi ada generator [janakuasa].

**Afifah :** Sebagai seorang anggota polis apakah pandangan sarjan terhadap aktiviti pemerdagangan manusia ini?

**Sarjan :** Okay [baiklah], pemerdagangan manusia ini merupakan satu kesalahan besar terutama pulak [pula] melibatkan dua-dua negara dan memanglah kemasukan pendatang tanpa izin ke Malaysia ini dengan secara tidak ada dokumen. Ada sendiket-sendiket tertentu yang meraih keuntungan dengan cara menjual orang dan membeli orang. Inilah yang dipanggil pemerdagangan manusia, jual orang dan beli orang. Dan Malaysia kita ni [ini] yelah semua orang nak [hendak] masuk, sebab sini peluang pekerjaan mudah, kan? Cuma kita sendiri yang tak [tidak] pandai cari kan?

**Afifah :** Adakah sarjan merasakan operasi ini berjaya?

**Sarjan :** Alhamdulillah, operasi ini berjaya selama lebih kurang sembilan (9) hari saya dalam tu [dalam hutan]. Mayat-mayat yang dikeluarkan dihantar ke Hospital Sultanah Bahiyah [Kedah]. Permulaannya kita [mereka] hantar menggunakan lori, kita [mereka] keluarkan mayat tu [itu] dengan cara berjalan kaki, empat (4) jam masuk, empat (4) jam keluar dengan cara berjalan kaki bawa mayat itu keluar bubuh (isi) dalam beg plastik tanggung macam ini (menunjukkan gaya mereka membawa mayat), bergilir-gilir daripada atas bukit nak [hendak] turun ke bawah pun empat (4) jam sampai ke bawah isi dalam lori atau van hantar ke Hospital Sultanah Bahiyah [Kedah] untuk di postmortem (bedah siasat). Itu minggu pertama, minggu pertama kami masuk. Masalah berlaku disebabkan nak bawa keluar pun susah dan mayat banyak, bukan satu (1) kem, sampai tiga puluh (30) kem. So you [jadi awak] nak [hendak] jalan kaki? Kalau kem yang ke tiga puluh (30) you [awak] nak [hendak] jalan keluar, you [awak nak [hendak] ambik [ambil] masa berapa jam? Mungkin keluar pagi petang baru sampai. Okay [baiklah] dekat base [pangkalan] kem, dekat Martek [Markas Tektikal]. So [jadi] kami [mereka] terpaksa hubungi pihak Bukit Aman, perbincangan berlaku di sana, terpaksa masuk menggunakan heli [helicopter]. Helikopter akan masuk, kami [mereka] akan kumpulkan mayat dan masukkan untuk dikeluarkan daripada situ [tempat itu]. Yang berani *landing* [mendarat] dalam hutan tu [itu] helikopter. Hanya helikopter bomba sahaja yang berani.



Helikopter tentera pun tak [tidak] berani landing [mendarat], cuma pusing dekat atas. Maritim pon tak [tidak] berani landing [mendarat]. Dia [helikopter] pusing dekat atas, helikopter bomba saja, pilot dia [juruterbang bomba] memang saya respect [hormat] dengan pilot [juruterbang] dia [helikopter] sebab sebelum dia [helikopter] landing (mendarat), kami terpaksa buat *Landed Point* [titik mendarat]. Kami [mereka] terpaksa terbang pokok sebab dia [helikopter] tak [tidak] lepas kan nak [hendak] *landing* [mendarat]. Kami [mereka] terpaksa terbang pokok, alas kayu untuk dia [helikopter]/*landing* [mendarat] atas kayu tu (itu) dan bawa keluar mayat. Bau helikopter tu [itu] dah [sudah] berbau mayat. HEHEHE (ketawa).

**Afifah : Adakah sarjan bangga terlibat dalam operasi ini?**

Sarjan : Alhamdulillah, saya rasa nak [hendak] kata berbangga tu [itu] tidak lah kan. Tapi rasa puas. Rasa puas sebab saya dapat memberikan khidmat membersihkan jerangkap samar di kawasan itu sebelum unit lain masuk. Kalau jerangkap samar itu tak [tidak] dibersihkan, tak [tidak] diclearkan [dibersihkan], tak [tidak] di secure [dijamin selamat] tempat tu [itu] makna unit lain tidak boleh masuk. Mungkin memang berlaku bahaya boleh melibatkan nyawa depa [mereka] yang nak [hendak] masuk. Unit yang pertama masuk adalah unit saya, untuk clearkan [bersihkan] tempat tu [itu]. Segala laluan masuk tu [itu], setiap kem dalam tu [itu] kami [mereka] terpaksa clearkan [bersihkan]. Bila kami [mereka] clear [bersihkan] kami [mereka] terpaksa pasang *Coden Line*, unit lain akan nampak lah kawasan tu [itu] dah [sudah] clear [dibersihkan]. Jadi dia orang [mereka] akan masuk untuk buat tugas dia orang [mereka] sebab kami [unit pemusnahan bom] bukan tugas untuk mengorek mayat, mengorek kubur adalah Forensik. Kami hanya bantu untuk clearkan [membersihkan] kawasan tu [itu] daripada jerangkap samar.

**Afifah : Pasukan polis dikatakan amat berbahaya. Pada pendapat sarjan adakah kerjaya polis ini menjamin masa depan?**

Sarjan : Okay [baiklah], kerjaya polis ni [ini] memang berisiko, terutama unit macam saya [unit pemusnah bom]. Unit yang boleh suddenly you can die [tiba-tiba

awak boleh mati]. So [jadi] kerjaya polis ni [ini]. Alhamdulillah lah sehingga kini hanya hasil gaji polis ni [ini] saya membesarkan anak-anak, menyekolahkan anak-anak hingga ke peringkat universiti. Alhamdulillah lah gaji kalau dulu kita kirakan gaji kecil [kecil], tak [tidak] cukup, sekarang ni [sekarang ini] gaji dah [sudah] besar. Saya pun dah hampir-hampir lima ribu (5000) sebulan tak [tidak] termasuk elaun, gaji bersih lima ribu (5000) sebulan. Alhamdulillah kerjaya ini memang menjamin lah, InsyAllah, tapi [tetapi] dengan syarat kita ikut betul-betul dia [Polis Diraja Malaysia] punya disiplin, dia [Polis Diraja Malaysia] punya prosedur semua dalam polis. InsyAllah yang banyak yang berlaku yang menjadi benda tak [tidak] elok ni [ini] yang tak [tidak] ikut. Tak [tidak] ikut kita punya peraturan, disiplin.

**Afifah : Apakah nasihat sarjan kepada anak muda yang berminat atau ingin menyertai PDRM?**

Sarjan : Kepada calon-calon ataupun anak-anak muda sama ada pompoan [perempuan] ataupun laki (lelaki) yang berminat untuk menyertai PDRM [Polis Diraja Malaysia] ini saya galakkan. Okay [baiklah]. Tetapi dalam diri masing-masing sebelum memasuki Polis Diraja Malaysia ni tak [tidak] kira lah sebagai inspector [pegawai] ataupun constable [konstabel] pun, jati diri kena ada. Maksudnya kita kena ada jati diri, kita kena ada sifat yang sayangkan negara, kan? Sifat yang sayangkan kerja, sifat yang sayangkan family (keluarga), sifat yang sayangkan masyarakat kena ada dalam diri. Kalau you [awak] tak (tidak) ada benda-benda ni [ini] semua you [awak] jangan masuk polis. Sebab bila you [awak] masuk polis, you [awak] tak [tidak] ada sifat sayangkan negara, you [awak] takkan [tidak akan] defend [pertahankan] negara you [awak]. You [awak] masuk polis semata-mata nak [hendak] ambil kesempatan atas sesuatu income [pendapatan] yang tak [tidak] elok. Ada macam tu [itu], yang masuk polis ni [ini] dia [mereka] bukan [tidak] ada minda, dia [mereka] ingat nak [hendak] cari benda yang tak [tidak] elok. So [jadi] dalam polis ni [ini] banyak dugaan, so [jadi] you [awak] punya iman kena kuat. Kalau you [awak] iman tak kuat. I [saya] nasihat you [awak] jangan masuk polis. Dugaan memang banyak, so [jadi] apa yang penting adalah iman. Okay. So [jadi] sapa-sapa

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

pun gila [tidak dapat berfungsi dengan baik]. Tapi[tetapi] tak [tidak] boleh guna robot la hujan, terpaksa la pakai manual. Pakai manual terpaksa la pakai bom sut [pakaian untuk mengendali bom], manusia la kena hampiri, pergi, so [jadi] you [wakil unit pemusnah bom] nak [hendak] bawak [bawa] apa pergi [untuk pergi mengendali bom], you [unit pemusnah bom] kena [harus] prepare, apa yang robot bawa, you [unit pemusnah bom] kena bawak [bawa], benda-benda yang boleh dibawa lah. Kita ada satu alat dipanggil *Pigstick*, *Pigstick* ni [ini] kalau [jika] [di] dalam Bahasa Malaysia dia [orang] panggil Kayu Babi lah kan, tapi [tetapi] mat salleh [orang berkulit putih] dah [sudah] panggil *Pigstick*, I don't know what the meaning [saya tidak tahu apa maksud tersebut] lah *Pigstick*. *Pigstick* ni [ini] dia [Pigstick] menggunakan, dia [Pigstick] fungsi macam [seperti] *Disruptor*. Dia [Pigstick] batang panjang ni (menunjukkan anggaran panjang pigstick), dalam ni [Pigstick] isi ayaq [air], jadi belakang ni [Pigstick ini] ada stopper [penyumbat], depan dia [Pigstick] ada stopper [penyumbat], belakang ni [ini] ada bridge [tempat] kita [unit pemusnah bom] boleh isi dia [Pigstick] punya peluru, peluru ni [ini] hanya boleh diletupkan menggunakan current [arus elektrik], dia [Pigstick] punya effect [kesan] dia [arus elektrik], current [arus elektrik] masuk baru dia [Pigstick] PANG meletup, meletup dia [arus elektrik] akan tolak ayaq [air] ni [ini]. Ayaq [air] ni [ini] akan compress [memampatkan] pergi macam [seperti] seketui [seketul], ayaq [air] dalam barrel[laras] tu [itu] pergi macam [seperti] seketui [seketul], bukan peluru tu [itu] yang bawa. Bukan peluru dia [Pigstick] yang pergi, ayaq [air] dia [di dalam *Pigstick*] compress [mampat] seketui [seketul], dia [air] akan pergi dekat objek tu [bom itu], dia [Pigstick] pecahkan, ayaq[air] memang tajam. Sat gi [nanti] saya cerita, dia [Pigstick] pergi dekat [kepada] objek tu [bom itu], dia [Pigstick] akan pecahkan body object tu [itu] dan ayaq [air] bila kena litar dia [litar] akan jadi apa, short [gagal berfungsi]. Setiap jerangkap samar dipasang mesti ada litar, mesti circuit [litar], circuit[litar] dia [bom], dia [bom] kena [terkena] ayaq [air] dia [bom] short [gagal berfungsi], -- body [badan] dia [bom] akan pecah jugak [juga], dia [bom] akan pecah, dia [bom] akan short [gagal berfungsi], bila short [gagal berfungsi], dia [bom] tak [tidak], tak[tidak] selamat lagi, tak [tidak] selamat sepenuhnya lagi, jadi manusia akan pergi pulak [pula] pakai bom sut [pakaian untuk mengendali bom] tadi, akan ceraikan wayar, ceraikan Detonator [bahan dalam bom] ceraikan, barulah asingkan benda tu [itu], barulah selamat. Okay [baiklah] jerangkap samar ni [ini] ataupun bom

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

yang macam tu [itu] dia [bom] ada beberapa alat yang penting yang perlu kita pisahkan, alat peletus macam Detonator macam dalam bom grenade tadi tu [itu], kita [unit pemusnah bom] kena dikeluarkan. Asingkan daripada bateri. Tu [itu] cerita dia [bom], bila kami sampai [tiba] ke lokasi hujan dah [sudah] turun tak [tidak] boleh nak [hendak] buat apa, so [jadi] saya lah pergi hampiri benda [bom] tu [itu], okay [baiklah], pakai bom sut [pakaian untuk mengendali bom] dengan berat berapa kilo [kilogram], topi dia [pakaian untuk mengendali bom] sebelum pergi tu [itu] terpaksa panggil bomba, ambulans. Kita [unit pemusnah bom] takut kita [unit pemusnah bom] pergi sat lagi [nanti], gagal, meletup, terbakar. Terbakar habis [semua] satu bangunan, bomba dah stanby [bersedia]. Kalau [jika] ada kematian, kecederaan, ambulans dah stanby [bersedia]. Tiga (3) biji bomba sampai [tiba], dua (2) biji ambulans sampai [tiba], depa [bomba dan ambulans] kena [harus] datang, kot [walau macam] mana pun depa [bomba dan ambulans] kena mai [datang ke lokasi], kami [unit pemusnah bom] akan mintak [minta], mintak [minta] bomba datang stanby [bersedia], ambulans datang stanby [bersedia], kita mintak [minta]. Jalan tutup [di tutup]lah walaupun pukul empat (4) pagi, saya pergi tackle [mengendali bom], bila dah shoot [tembak] dengan *Pigstick* tadi, bersepah la keluar, tengok [lihat] dalam tu [itu] dengan bom bearing [bahagian bom], dengan [ada] skru, dengan [ada] paku bahan letupan pun nasib baik dia [pengganas] gunakan bahan letupan berkuasa rendah. Bahan letupan kuasa rendah pun kalau dah dikurung dalam satu bekas, dia [bom] akan menjadi high explosive [bahan letupan berkuasa tinggi], akan meletup. Kalau [jika] meletup saya mati tu [itu], Alhamdulillah selamat, jerangkap samar betui [sebenar] tu [itu]. Itu kita paling takut. Ya Allah, tu [itu] la tugas macam [seperti] saya ni [ini] kan sementara nak [hendak] tunggu pension [bersara] ni [ini], banyak pengalaman yang saya dah [sudah] lalu [lalui] la. Dekat [di] KL [Kuala Lumpur] dulu [dahulu] masa [semasa] saya tugas [bertugas], saya duk [tinggal][di] sana lapan belas tahun 18tahun kan, banyak pengalaman, tu [itu] salah satu la, saya boleh, yang ingat la, Kedutan Yugoslavia tu [itu], banyak lagi tempat-tempat saya pergi semuanya ya Allah, taktau [tidak tahu] nak [hendak] kata, tu [itu] lah bila berlaku satu pergolakan politik di negara luar, melibatkan Malaysia jugak, bukan kata kita tengok TV [televisyen], ohh negara ini perang, tak [ini], kalau VIP [*Very Important Person*] dia [pembesar negara luar] mai [datang] sini [Malaysia], kalau dia [pembesar negara luar] nak [hendak] melawat sini

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

terlibat, di deploy [kerahkan] semua ni [ini], tapi [tetapi] nasib baik lah Kedah ni [ini] kurang sikit lah, kalau duduk [tinggal] KL [Kuala Lumpur] ataupun tempat-tempat yang top [tertinggi] di Penang, memang tak [tidak], tak [tidak] diam lah. Sementara tu [itu] kalau [jika] kami [unit pemusnah bom] tak [tidak] buat apa-apa kami [unit pemusnah bom] akan buat ceramah ke jabatan-jabatan kerajaan lah kan ataupun bank-bank, pihak-pihak swasta kalau depa [pihak swasta] minta, kami [unit pemusnah bom] akan hadir. Baru ni [ini] buat dekat Hospital Baling, baru balik [pulang] ja [sahaja] minggu lepas tapi [tetapi] saya tak [tidak] pergi la, orang lain pergi. Nampak banyak ilmu-ilmu saya peturun dekat depa [anggota polis yang lain], ni Powerpoint [mengandungi dokumen untuk penceramah], hang [awak] bawak [bawa] lah, saya siap [sediakan] Powerpoint [mengandungi dokumen untuk penceramah], saya buat [sediakan] Powerpoint [mengandungi dokumen untuk penceramah] sendiri bagi [beri] dekat [kepada] depa [anggota polis yang lain] modai [bahan dari] saya, tapi [tetapi] hantu raya [mengeluh] betul depa [mereka] pi [pergi] tukaq [tukar] nama bukan Sarjan Rosli, boh [letak] nama depa [mereka], padahai [walhal] Powerpoint [mengandungi dokumen untuk penceramah] tu [itu] saya yang buat [sediakan]. Takpa [tidak mengapalah] lah ilmu hampa [mereka] ambik [ambil] lah takda hal [tiada masalah], saya bukan kedekut ilmu pun, ambil lah. --- Ha tu [itu] lah cerita bom ni [ini] dan dalam tindakan bom ni [ini] you [awak] jangan anggap you [awak] hero [pahlawan], don't be a hero [jangan berlagak jadi pahlawan], takda [tiada] sapa [siapa] pun hero [pahlawan]. Saya sebut dah tadi [sebelum ini] kan, cikgu saya sendiri pun mati. Don't be a hero [jangan berlagak jadi pahlawan]. Takda [tiada] sapa [siapa] pun pakar, kadang [kadang-kadang] saya sampai ke tempat kejadian, depa [mereka] kata [cakap] ohh, pakar bom dah [sudah] sampai [tiba], pakar bom. No I [tidak, saya] bukan pakar bom, I [saya] orang biasa, kalau saya berjaya, selamat. Saya tak [tidak] selamat saya mati, itu ja [sahaja], takda [tiada] pakar, tak ada [tiada] sapa yang pakar. You don't [awak jangan] apa orang kata, jangan mendabik dada cakap I [saya] pakar bom, I [saya] pakai logo ni. No [jangan], jangan. You [awak] bukan pakar. You [awak] silap you [awak] mati, itu ja [sahaja]. Cikgu saya dah [sudah] cakap, "You make a mistake, you die" [awak buat kesilapan, awak mati]. Hidup atau mati, itu ja [sahaja]. Jangan, jangan bangga diri kata you [awak] pakar bom, saya, saya pulak [pula] jenis low profile [rendah diri], saya tak [tidak] suka macam tu [itu] orang cakap. Ehh, jangan cakap macam

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

tu [itu] saya bukan pakar, saya punyatus tugas [tugas saya] kalau saya tackle[mengendali bom] tu [itu] selamat, selamat lah, kalau tak [tidak] selamat saya mati. Macam baru ni [ini] dekat [di] Sungai Petani [Kedah] berlaku taman apa tu [itu], masuk kot [ikut] belakang Petronas tu [itu], depan[berhadapan] IPD, belakanggg tu [itu], taman apa saya tak [tidak] ingat. Yang [Orang awam] pergi letak beg tu [itu] dekat [di] tempat parking [meletak kenderaan] tu [itu] ada kedai makan cina depan [berhadapan] dia [beg], saya tak [tidak] ingat taman apa, Taman Ria Jaya [Sungai Petani, Kedah]. Ha [ya] Taman Ria Jaya [Sungai Petani, Kedah] (Afifah menjawab).Dekat kedai makan cina tu [itu], masuk kona [pusing] ke belakang dia [kedai makan cina] ada *Unclaimed Property*, beg letak dekat tempat parking pastu selepas itu] bila [apabila] kami dapat [terima panggilan] telefon,kami [unit pemusnah bom] tanya sapa [siapa] letak beg tu [itu], taktau [tidak tahu] la cik, ada orang pakai jubah letak [di] situ, pakai serban. Hai, ini Daish [pengganas] ke ataupun apa Taliban[pengganas] mana kan, IS [pengganas] ke. Orang pakai [berpakaian] jubah letak beg, beg warna hitam. Cina tu [itu] takut, dia [Cina tersebut] telefon la, kami [unit pemusnah bom] sampai [tiba ke lokasi] la, sampai-sampai terpaksa lah -- nasib baik lah cuaca baik, pergi tackle [mengendali bom] dengan robot, saya tackle [kendali], Alhamdulillah tak ada [tiada] apa, beg kosong, takda [tiada] apa dalam tu [itu]. Tapi [tetapi] macam di Kulim [Kedah], Kulim Hi-Tech [Kedah]tu [itu] saya tackle [kendali] jugak [juga], dua (2) biji [biji] [di] dalam tu [itu] dia [pengganas] isi tong cat. Dia [pengganas] saja [sahaja] nak [hendak] gempaq [ugut] Maybank, Maybank Kulim Hi-Tech [Kedah], saya sampai [tiba di lokasi] buat, pergi tackle [kendali] tapi [tetapi] kalau [jika] betui [betul] macam [seperti] saya cerita kedutaan tu [itu] la kan, memang mengerikan, kalau you [awak] silap you [awak] mati, you [awak], silap you [awak] mati, itu ja [sahaja] soalan dia mati atau hidup, balik hidup, pergi kalau [jika] silap [salah] you [awak] mati sebab tu [itu] [di] dalam unit pemusnah bom ni [ini] kami [unit pemusnah bom] tak [tidak] macam tentera tau [tahu], tak [tidak] macam orang lain dalam filem dia [unit pemusnah bom] pergi potong wayar kan, dalam filem tengok pakar bom pergi potong wayar, kami takdak [tidak]. Kami akan musnahkan litar dia [bom], bagi bom tu [itu] gagal meletup, kami takkan [tidak akan] potong wayar, yang potong wayar tu robot. Robot pergi dia [robot] tembak *Distrubtor* atau *Pigstick* tu [itu], ayaq [air di dalam Pigstick] tu[itu] akan apa dia [*Pigstick*]pergi pecah kan, dia [*Pigstick*]akan putus litar. Ha [ya] itu

belum selamat, itu dipanggil *Randored Save Procedure* [tindakan menyelamatkan pertama], tindakan menyelamatkan pertama yang robot pergi tembak, pecahkan tu [bom]. Dia [tindakan itu] akan berlaku letupan, tapi [tetapi] bukan letupan bom tu [itu], letupan alat tadi [*Pigstick*], *Pigstick* tadi. Tindakan menyelamatkan kedua, manusia pergi ceraikan bahan-bahan dia [bom] yang saya sebut tadi tu [itu] Detonator apa semua, sebenarnya [sebenarnya] ayaq [air] ni [ini], nak [hendak] cerita bagi [beritahu] adalah satu bahan yang tajam. Boleh bunuh manusia, okay [baiklah] kalau banjir dah [sudah] tentu lah, mati lemas laut, ayaq [air]. Tapi [tetapi] dia [air] boleh bunuh manusia sebenarnya [sebenarnya], saya pernah pergi ke Dermaga Kapal Pasir Gudang [Johor], tempat dok [untuk] bina kapal, Pasir Gudang, Johor, kami pergi melawat semasa kursus, nak [hendak] tengok [lihat] macam mana [bagaimana] dia [air] tanggalkan cat kapal untuk dicat baru. Cat kapal punya tebai tu [itu], tebal ni [ini] (sarjan menunjukkan panjang ketebalan cat kapal) cat kapal, dia [mereka] hanya gunakan ayaq [air] untuk keluarkan apa cat, dia ada gun [pistol]. Dia [pekerja di tempat kapal] kata [beritahu] gun [pistol] tu [itu] saya tak tau [tidak tahu] lah berapa kelajuan saya tak [tidak] pasti, saya tak [tidak] ingat, tapi [tetapi] dia [air] tembak body [badan] kapal tu [itu], cat tu [itu] luruh satu satu satu cat. Gun [pistol] tu [itu] kalau dia [pistol] tertembak orang, orang tu [itu] terbelah dua. Bayangkan ayaq [air] saja [sahaja], kena kuat sebab *Distributor* tadi menggunakan kaedah ayaq [air], dia [air] boleh compress [mampat] lagi. Okay [baiklah] ada apa lagi nak [hendak saya] cerita?

**Afifah :** Ha [ya] tadi sarjan ada mention [bercakap] pasai [tentang] tu [itu] (sambil menunjukkan lencana bom) tanda yang bom tu [itu] kan, lencana tu [itu] kan, adakah dia [lencana itu] perlu diperbaharui?

**Sarjan :** Okay [baiklah]. Sebenarnya pemakaian lencana ni [ini] bagi yang layak, okay [baiklah] yang ada kursus peringkat high risk [berisiko tinggi], berisiko tinggi, sebenarnya saya duduk [berkhidmat] dalam group [kumpulan] risiko tinggi lah. Sebenarnya kami [unit pemusnahan bom] perlu menghidupkan lessen [lesen pengendali bom], ni [ini] sebagai kami [unit pemusnahan bom] semacam [seperti] payung terjun lah, setiap kali, dulu dia [payung terjun] 6 bulan sekali tapi [tetapi] sekarang ni [ini] tak tau [tidak tahu] lah mungkin apa masalahnya pihak hospital. Kami kena hidupkan 6 bulan sekali sebenarnya. Setiap 6 bulan



AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

sekali kami kena buat medical check-up [pemeriksaan kesihatan] untuk menentukan kesihatan [keadaan kesihatan] apa semua. Okay [baiklah] tapi [tetapi], sekarang ni [ini] kadang-kadang dia [surah] mai [dapat], surat setahun sekali baru pi [pergi] buat [lakukan validasi], takpa [tidak mengapa] lah janji kita [kami] buat. Kalau nak [hendak] hidupkan dia [lesen mengendali bom], dia [untuk pengesahan] ada kursus dia [kursus pengesahan][di] panggil validasi test [ujian pengesahan]. Validate [pengesahan], tau [tahu] validate [pengesahan]?. Validasi test [ujian pengesahan] dia [kursus pengesahan] ada validate [pengesahan], kami [unit pemusnah bom] kena pergi tackle [mengendali] bom, barudia [mereka] ada validate [dapat pengesahan] dia [untuk lesen]. Kami [unit pemusnah bom] kena buat latihan dalam perkhidmatan, panggil semua anggota yang ada ni [ini], buat latihan perkhidmatan pergi tackle [kendali bom] bom. Bom lama atau jerangkap samar, you [awak] buat, saya buat you [awak] tackle [kendali], you [awak] buat I [saya] tackle [kendali], macam tu [itu] lah yang terakhir kita [unit pemusnah bom] buat dekat Langkawi dekat – kita [unit pemusnah bom] buat [adakan] join [bergabung] dengan Perlis, Perlis [cawangan Perlis] orang sikit tak [tidak] ramai, join [bergabung] dengan Kedah [cawangan Kedah] kami [unit pemusnah bom] buat [adakan] [di] dekat Langkawi tetapi kalau kata [jika] dalam masa tu [itu], saya ada bom call [panggilan menyelamatkan bom] termasuklah jerangkap samar ke ataupun UXO [*Unexploded Ordinance*] tadi kesaya pergi tackle [kendali bom] maknanya bila saya hantar laporan ke Bukit Aman dengan automatiknya [secara automatik] akan hidup, kalau dah [sudah] lama, dah [sudah] melebihi setahun tak [tidak] pergi tackle [kendali], you [awak] buatlah validasi test [ujian pengesahan], kena [harus] buat. Macam tu [itu] juga payung terjun, you [awak] setiap, diaorang [mereka] setiap 6 bulan kot [tidak pasti], masih kekal lagi dia orang [mereka] kena terjun, setiap 6 bulan diorang kena terjun, buat medical checkup [pemeriksaan kesihatan] terjun, macam [seperti] kami [unit pemusnahan bom] jugak [juga]. Kami setiap 6 bulan, tapi [tetapi] sekarang dah [sudah] *Delay* [tangguh] sikit dah [sudah] jadi [menjadi] setahun, mungkin pengurusan tak [tidak] berapa ni [tidak pasti], kewangan pun. Kos (Afifah menjawab). Sebab bila nak [hendak] buat validasi, kita [unit pemusnahan bom] kena buat [adakan] kat [di] luar, bukan [tidak] boleh buat dekat dalam ni [pejabat ini], letup bom betul takkan [tidak akan] nak [hendak] buat [di] dalam pejabat, kena buat [di] luar pejabat. Dekat [di] luar

kena ada makan, kena ada minum, kena ada penginapan semuanya menggunakan kos. Okay itulah okay. --

## RAKAMAN 6

**Afifah :** Adakah sarjan pernah menerima pingat ketika berkhidmat di dalam PDRM [Polis Diraja Malaysia]?

Sarjan : Okay [Baiklah], aaa [berfikir], saya pernah menerima hanya satu pingat tapi [tetapi] yang lain-lain itu surat penghargaan daripada Jabatan PDRM [*Polis Diraja Malaysia*]. Pingat yang saya terima tak [tidak] silap [salah] saya tahun dua ribu dua belas(2012)iaitu pingat BPP (*Bentara Pasukan Polis*) iaitu pingat atas jasa kebaktian ataupun jasa keberanian, penghargaan kepada saya sebagai anggota Unit Pemusnahan Bom yang telah berjaya banyak menyelamatkan jerangkap samar dan juga bom-bom lama lah UXO (*Unexploded Ordnance*)dan saya amat berterima kasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia [PRDM] dan juga kerajaan Malaysia dan menjunjung kasih kepada (Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung semasa itu, iaitu Tuanku Sultan Abdul Halim Muazzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishahyang telah berkenan mengurniakan pingat BPP [*Bentara Pasukan Polis*] kepada saya.



**RALAT**

## 5. RALAT

Sewaktu temubual ini dijalankan, terdapat beberapa gangguan yang menyebabkan rakaman temubual ini kurang jelas. Antaranya ialah:

BIL	RALAT
1.	Bunyi pen
2.	Bunyi pinggan mangkuk
3.	Bunyi suara orang awam
4.	Bunyi batuk

# LOG TEMUBUAL

**6. LOG TEMUBUAL**

MASA	TEMU BUAL	PERKARA
1.36 (Rakaman 1)	Latar belakang tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Beliau di lahirkan pada 19 Jun 1962 di Baling, Kedah</li> <li>➤ Beliau merupakan anak yang kedua daripada 4 beradik iaitu 2 lelaki dan 2 perempuan</li> <li>➤ Bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Pulau, Baling, Kedah dan telah menyambung ke Sekolah Menengah Kebangsaan Baling. Kemudian, menyambung ke Maktab Teknik Polis Diraja Malaysia Bakri, Muar, Johor dalam Jurusan Teknikal.</li> <li>➤ Hobi yang digemari ialah mencipta replika kenderaan pada waktu kecil tapi apabila dewasa sehingga sekarang gemar memancing.</li> </ul>
3.44 (Rakaman 1)	Maklumat tentang keluarga tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Beliau telah mendirikan rumah tangga pada 31 Ogos 1984</li> <li>➤ Isteri beliau bernama Sarjan Rogayah Binti Zakaria yang merupakan seorang anggota Polis tapi sudah bersara</li> <li>➤ Hasil perkongsian dengan isteri beliau telah dikurniakan 3 orang cahaya mata</li> <li>➤ Yang sulung bernama Syatina Binti Rosli, anak kedua bernama Syakila Binti Rosli dan anak ketiga bernama Muhammad Syafiq Bin Rosli.</li> <li>➤ Beliau mengagihkan masa bersama keluarga dengan mengajak keluarga beliau untuk pergi bercuti iaitu ke Melaka.</li> </ul>
6.35 (Rakaman 1)	Perkara yang mendorongkan beliau menyertai Polis Diraja Malaysia (PDRM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Penyebab utama mengapa beliau menyertai polis disebabkan oleh pak cik saudara beliau yang mengatakan kerja polis ini walaupun bergaji rendah tapi pada akhirnya boleh hidup bahagia.</li> </ul>
8.58 (Rakaman 1)	Maklumat ketika menyertai Polis	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Beliau mula berkhidmat pada tahun 1981 di PULAPOL (Pusat Latihan Polis), Kuala Lumpur.</li> </ul>

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

Diraja Malaysia (PDRM) dan sebelum menyertai Polis Diraja Malaysia (PDRM)	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Ditempatkan di Pusat Latihan Polis Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Tapi sekarang di panggil Jalan Baru (Jalan Sultan Salehuddin)</li><li>➤ Telah terlibat dalam dunia polis selama 36 tahun</li><li>➤ Pekerjaan sebelum menyertai polis ialah sebagai buruh</li><li>➤ Pangkat beliau ketika memasuki polis ialah konstabel</li><li>➤ Telah ditugaskan dalam cawangan persenjataan (Unit Pemusnahan Bom)</li><li>➤ Memperoleh tugas hakiki sebagai Sarjan Perolehan Aset dan sebagai Sarjan Operasi</li></ul>
<b>10.29</b> <b>(Rakaman 1)</b> Pengalaman dalam hidup beliau	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Beliau telah berkhidmat selama 36 tahun dan telah memiliki banyak pengalaman sama ada manis dan pahit</li><li>➤ Pengalaman manis beliau ialah bertemu jodoh dengan isteri beliau ketika sama-sama berjiran di luar kawasan balai polis</li><li>➤ Pengalaman pahit yang di alami oleh beliau ialah beliau di arahkan untuk mematikan bom di dalam lubang pembinaan yang terletak di KL Sentral.</li><li>➤ Beliau menghadapi situasi cemas ketika hendak mematikan bom tersebut sama ada jika beliau pergi beliau akan mati atau sebaliknya.</li></ul>
<b>1.17</b> <b>(Rakaman 2)</b> Operasi ketika menyertai Polis Diraja Malaysia (PDRM)	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Operasi yang pernah di alami oleh beliau ialah <i>Ops Bunga</i>, <i>Op Wawasan</i>, <i>Ops Noda</i> dan <i>Ops Rantau</i>.</li></ul>
<b>9.43</b> <b>(Rakaman 2)</b> Maklumat ketika menghadapi krisis pemerdagangan manusia	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Pada tahun 2015, beliau telah terlibat dalam satu operasi yang dinamakan <i>Op Wawasan</i> di sempadan Malaysia-Thailand.</li><li>➤ Operasi ini adalah operasi untuk pemerdagangan manusia. Pemerdagangan manusia ini telah dijumpai di kem yang dijumpai di dalam hutan.</li><li>➤ Anggota yang terlibat seramai 4 orang dalam Unit Pemusnahan Bom</li><li>➤ Hanya anggota yang berpengalaman sahaja yang</li></ul>

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

dibenarkan masuk seperti Unit Pemusnahan Bom, pihak PGA (Pasukan Gerakan Am), Pihak Forensik, ASB (Special Branch Polis) iaitu dari cawangan khas dan beberapa cawangan lain.

- Semua anggota yang terlibat seramai 400 orang berdasarkan jumlah keseluruhan dari setiap unit.
- Setiap anggota dikehendaki untuk membuat pasukan iaitu Pasukan A, Pasukan B dan Pasukan C.
- Dalam Unit Pemusnahan Bom hanya seorang sahaja anggota yang terlibat dalam pemerdagangan manusia tetapi di dalam unit yang lain bergantung kepada unit mereka di mana terdapat seorang pegawai (Inspektor) dan seorang sarjan.
- Aktiviti ini dapat dihidu ketika pihak Thailand berjaya mendapatkan maklumat sehingga maklumat tersebut sampai ke Malaysia secara sulit di mana mereka menjumpai ratusan mayat di tempat kejadian.
- Negara yang terlibat dalam krisis pemerdagangan manusia ini ialah Malaysia-Thailand dan telah menjemput para wartawan daripada CNN.
- Lokasi yang terlibat dalam krisis pemerdagangan manusia ialah di Wang Kelian di mana terdapat 30 kem untuk sindiket pemerdagangan manusia.
- Kelengkapan yang dimiliki oleh pihak polis ialah mereka telah menyediakan jerangkap samar yang dinamakan Metex. Fungsi Metex adalah untuk mengesan logam, hirisan logam atau bahan letupan yang mempunyai litar.
- Anggota polis berangkat ke lokasi kejadian dengan menggunakan kenderaan polis setelah bekerjasama dengan beberapa zon utara seperti Kedah, Perlis, Penang dan Perak.
- Jangka masa untuk operasi ini ialah selama seminggu tetapi tidak menentu juga kerana ia telah di arahkan oleh Komander.
- Operasi ini dilakukan secara bergilir-gilir oleh setiap

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

anggota.

<p><b>10.22</b> <b>(Rakaman 2)</b></p>	<p>Pasukan yang paling rapat dalam menjalani operasi pemerdagangan manusia</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Semuanya terdapat 4 orang rakan sepasukan yang rapat. Semuanya daripada pihak Pasukan Gerakan Am (PGA)</li> </ul>
<p><b>10.57</b> <b>(Rakaman 2)</b></p>	<p>Reaksi keluarga beliau ketika mendapat tahu sarjan terlibat dalam operasi pemerdagangan manusia</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Mereka rasa risau selagi beliau tidak selesai dalam operasi pemerdagangan manusia.</li> <li>➤ Operasi itu berlangsung selama 9 hari dan dalam tempoh masa tersebut gagal untuk membuat panggilan kerana bateri telefon mampu tahan selama 2 hari sahaja.</li> </ul>
<p><b>4.27</b> <b>(Rakaman 3)</b></p>	<p>Maklumat ketika berada di tempat kejadian (sindiket pemerdagangan manusia)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Perasaan beliau ketika tiba di lokasi kejadian ialah mereka tidak dapat gambarkan pada mulanya kerana hanya berpandukan peta semata-mata.</li> <li>➤ Sehingga tiba pihak perisik barulah mereka mengetahui situasi yang sebenar</li> <li>➤ Pada mulanya kem pemerdagangan manusia itu mempunyai 300 kubur yang di tanam atau lebih sebab anggota mereka kurang pasti kerana terdapat banyak mayat yang sudah hancur dan reput jadi situasi itu amat menyedihkan.</li> <li>➤ Beliau mengatakan mangsa yang masih hidup telah dikeluarkan lebih awal dan telah di serahkan kepada pihak Imegresen. Mangsa yang telah hidup adalah seorang perempuan dimana perempuan tersebut telah diseksa dan di rogol.</li> <li>➤ Golongan yang terlibat dalam operasi ini kebanyakan bercampur.</li> <li>➤ Punca kematian mangsa sindiket tersebut adalah berpunca daripada tidak mendapat makanan yang secukupnya dan telah di tempatkan di dalam kandang yang diperbuat daripada buluh (sangkar).</li> <li>➤ Beliau mengatakan tidak bertemu dengan dalang</li> </ul>

AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

		sindiket pemerdagangan manusia seperti yang didakwa oleh Pasukan Gerakan Am (PGA).
<b>0.10</b> <b>(Rakaman 4)</b>	Keadaan ahli pasukan	➤ Tidak ada sesiapa daripada ahli pasukan yang tercedera cuma sakit semasa bertugas seperti demam.
<b>0.22</b> <b>(Rakaman 4)</b>	Bekalan makanan yang dibawa semasa operasi	➤ Beliau menyatakan pasukan mereka membawa bekalan makanan yang di ambil dari Markas Taktikal, Pasukan Polis Hutan iaitu ration. Dalam ration tersebut mengandungi beras, sardin, maggi, quacker oat [biskut gandum] dan lain-lain.
<b>1.32</b> <b>(Rakaman 4)</b>	Tempat beliau dan pasukan bermalam	➤ Mereka terpaksa bermalam di dalam hutan berseblahan kem-kem pelarian, di sebelah mayat, tengkorak yang masih ada.
<b>1:56</b> <b>(Rakaman 4)</b>	Cara tugas dibahagikan pada waktu malam	➤ Unit beliau tidak terlibat dengan tugas disebabkan prosedur SOP ➤ Hanya unit PGA yang buat pemantauan pada waktu malam.
<b>2.30</b> <b>(Rakaman 4)</b>	Tekanan yang dirasakan semasa operasi	➤ Beliau dan pasukan terpaksa berjalan kaki mendaki bukit selama 4 jam untuk sampai ke kem pelarian yang pertama.
<b>3.37</b> <b>(Rakaman 4)</b>	Bahan bukti yang ditemui di lokasi kejadian	➤ Mereka menjumpai mayat, kubur, tengkorak manusia dan perkhemahan pelarian.
<b>4.24</b> <b>(Rakaman 4)</b>	Pandangan beliau terhadap aktiviti pemerdagangan manusia ini	➤ Beliau mengatakan aktiviti adalah satu kesalahan yang besar yang melibatkan dua negara. ➤ Ada pihak tidak bertanggungjawab menjual dan membeli orang.
<b>5.14</b> <b>(Rakaman 4)</b>	Pencapaian operasi ini	➤ Beliau merasakan operasi ini berjaya kerana semua mayat berjaya dibawa keluar.
<b>7.02</b> <b>(Rakaman 4)</b>	Perasaan beliau kerana terlibat dalam operasi ini	➤ Beliau berasa puas kerana dapat berkhidmat untuk membersihkan jerangkap samar di kawasan operasi.
<b>8.04</b> <b>(Rakaman 4)</b>	Pendapat beliau tentang kerjaya sebagai seorang anggota polis	➤ Kerjaya polis ini amat berisiko terutamanya unit beliau. ➤ Beliau dapat menyara keluarga, anak-anak dan dapat menghantar mereka ke sekolah.



AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM

<b>9.14</b> <b>(Rakaman 4)</b>	Nasihat beliau kepada anak muda yang ingin menyertai pasukan polis	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Beliau menggalakan anak muda untuk menyertai PDRM (Polis Diraja Malaysia), tetapi perlu ada jati diri, sifat sayangkan negara, kerja dan masyarakat.</li><li>➤ Ketahanan fizikal dan mental juga diperlukan</li></ul>
<b>0.01</b> <b>(Rakaman 5)</b>	Fungsi unit beliau	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Beliau menceritakan induk unit pemusnahan bom ini adalah unit persenjataan.</li><li>➤ Semua anggota polis di dalam unit persenjataan ini terpaksa diwajibkan menjali kursus pemusnahan bom.</li><li>➤ Kursus pemusnahan bom terbahagi kepada kursus asas persenjataan, kursus asas pemusnahan bom, kursus gred 3 terbahagi kepada 2 kumpulan iaitu teknologi bengkel dan teori persenjataan.</li><li>➤ Kursus gred 2 iaitu belajar welding</li><li>➤ Kursus pemusnahan bom tahap 2 cipta dan mengatasi bom</li><li>➤ Jerangkap bahan letupan terdapat 2 jenis, dengan bahan letupan dan tanpa bahan letupan</li><li>➤ Jerangkap bahan letupan rekaan ni terbahagi kepada 4 suis utama iaitu <i>Anti-Handeling</i>, <i>Command</i>, <i>Ambient</i> dan <i>Delay</i></li></ul>
<b>1.25</b> <b>(Rakaman 6)</b>	Pernah di anugerahkan pingat ketika menyertai Polis Diraja Malaysia (PDRM)	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Beliau pernah menerima pingat BPP (Bentara Pasukan Polis) iaitu pingat atas jasa kebaktian ataupun keberanian serta di berikan penghargaan sebagai anggota Unit Pemusnahan Bom yang telah berjaya dalam menyediakan jerangkap samar daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung Tuanku Sultan Abdul Halim Muazzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah.</li></ul>

# INDEKS

**INDEKS**

**A**

**Ambient (44,67)**

**Amra Mate (38)**

**Anti Handling (43, 44)**

**Alat Metex (Alat-Alat Mengesan Jerangkap Samar) (28)**

**B**

**BPP (Bentara Pasukan Polis) (7, 10, 60, 67, 75)**

**C**

**CIAST (Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan) (41)**

**CLC (Chase Linear Cutting) (20)**

**Cerapan (maps) (27)**

**CNN (American Basic Cable and Satellite Television News) (11, 28, 64)**

**Command (45, 53, 67)**

**D**

**Distruptor (54, 57)**

**Detonator (54, 55, 58)**

**Delay (45, 46, 47, 59, 67)**

**Dart Disposal (23,24,26,27,28)**

**E**

**EOD (Explosive Ordnance Disposal) (51)**

## **F**

**FELDA (The Federal Land Development Authority) (3,14)**

**FELCRA (Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority) (3,14)**

## **H**

**Hospital Sultanah Bahiyah (34)**

## **I**

**IED (Improvised Explosive Devices) (3, 6, 19, 21, 42, 46, 47, 49)**

**Ireland Red Army (Tentera Merah Ireland) (49, 50)**

## **K**

**Kedutaan Yugoslavia (51, 52, 53)**

## **L**

**Landed Point (33, 35)**

**LRT (Light Rail Transit) (3,18, 20, 23, 24, 25)**

## **M**

**Martek (Markas Tentetikal) (27, 29, 32)**

## **N**

**NET (NET Explosive Contain) (3, 9, 17, 44)**

## **O**

**Ops Bunga (Operasi bom) (26, 52, 63)**

**Ops Noda (Operasi Pelacuran) (1, 26, 63)**

**Ops Rantau (Operasi Kepada Pemandang Tanpa Izin) (1, 26, 63)**

## **P**

**Polis Diraja Maaysia (1,3,7,8,10,13,15,16,28,36,37,38,40,41,60,62,63,67)**

**Peperangan Balkan (53)**

**Pigstick (54, 55, 57, 58)**

**PULAPOL (Pusat Latihan Polis) (3, 10, 13, 63)**

**PGA (Pasukan Gerakan Am) (3, 9, 10, 27, 28, 29, 30, 32, 33, 37, 64, 65, 60)**

## **R**

**Ration (32, 66)**

**Randered Save Procedure (57)**

**RISDA (Rubber Industry Smallholders' Development Authority (Malaysia)) (14)**

**Rekey (Perisik) (30, 33)**

**Remote control (21, 45)**

## **S**

**SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) (12, 14)**

**Socktime (27,28)**

## **T**

**Teknologi Bengkel (39, 40, 67)**

**Tungsten Inert Gas (41, 42)**

## **U**

**Unclaimed property (48, 57)**

**Universiti Teknologi Mara (UiTM) (4, 5, 48, 49)**

**UXO (Unexploded Ordnance) (3, 19, 21, 49, 59, 60)**

**V**

**Validate (59)**

**W**

**Welding (41, 67)**

# RUJUKAN

## 7. RUJUKAN

- Rosli bin Jaafar, Sjn. (2017, May 14). *Temubual bersama Rosli bin Jaafar mengenai operasi pemerdagangan manusia* [interview]
- mStar. (2015, Jun 12). *Ops wawasan khas: mangsa pemerdagangan mati akibat kebuluran*. Retrieved from: <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/06/12/mangsa-pemerdagangan-orang-mati-kebuluran/>
- Op wawasan khas gali kubur mangsa pemerdagangan manusia ditamatkan isnin malam*. (2015, Jun 19). Retrieved from: <http://bm.therakyatpost.com/berita/2015/06/09/op-wawasan-gali-kubur-mangsa-pemerdagangan-manusia-ditamatkan-isnin-malam/>



**PERJANJIAN**



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM**  
**PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN**

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor dengan .....*Sa. Resh bin Jaafar*..... pada *4 May 2017*.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA Shah Alam untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Shah Alam akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Shah Alam boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu / tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman / transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik samada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat - syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman / transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik - penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman / transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh). Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (interviewee)

Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA  
Shah Alam

**DR. AZREE BIN AHMAD**  
Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah  
08400 Merbok



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM

SURAT PENGAKUAN PENERIMAAN SALINAN TRANSKRIP SEJARAH LISAN

Kepada sesiapa yang berkenaan,

Saya *Syrian Rash bin Jaafar*

Dengan ini mengaku telah mendapat satu salinan transkrip temubual Sejarah Lisan bertajuk

*Sindiket Pemerdagangan Manusia*

daripada penemubual iaitu *Mca. Afiqah bt. Omar* dan

*Nurfarhan Afiqah bt. Mohd. Nozuan*. Transkrip ini telah diserahkan

kepada saya pada *5 Julai 2017*.

Untuk sebarang pertanyaan, saya boleh dihubungi melalui: -

- a) *019-483 7428* (No. Tel bimbit)
- b) *017-4121340* (No. tel. rumah)
- c) *013-437 3554* (No. tel. pejabat)

Atau di alamat:

*Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi (Pensijilanan)*

*Ibu Pejabat Polis Kontinental, Jalan Stadium,*

*05500 Alor Setar, Kedah*

Nama : *Syrian Rash bin Jaafar*

Tandatangan : *[Signature]*

Tarikh : *5 Julai 2017*

# SENARAI SOALAN

## 8. SENARAI SOALAN

- i. Bilakah sarjan dilahirkan?
- ii. Nama tempat sarjan dilahirkan?
- iii. Bolehkah saya tahu bilangan adik beradik sarjan?
- iv. Sarjan anak yang beberapa?
- v. Apakah nama sekolah pertama sarjan?
- vi. Tahap pendidikan yang tertinggi sarjan?
- vii. Boleh saya tahu, apakah hobi sarjan pada masa lapang?
- viii. Bilakah sarjan mendirikan rumah tangga?
- ix. Siapakah nama isteri dan anak-anak?
- x. Berapa bilangan anak sarjan?
- xi. Apakah pekerjaan isteri sarjan?
- xii. Bagaimana sarjan mengagihkan masa untuk keluarga?
- xiii. Apakah perkara yang mendorong sarjan untuk menyertai PDRM?
- xiv. Tahun berapa sarjan mula berkhidmat?
- xv. Di pusat latihan polis manakah sarjan ditempatkan?
- xvi. Sudah berapa tahun sarjan terlibat dalam Polis Diraja Malaysia?
- xvii. Apakah pekerjaan pertama sarjan sebelum menyertai PDRM?
- xviii. Apakah pangkat pertama sarjan ketika menyertai PDRM?
- xix. Sekarang di dalam PDRM sarjan ditugaskan dalam bahagian apa?
- xx. Apakah fungsi unit sarjan ini?
- xxi. Semenjak menyertai PDRM, adakah sarjan memperolehi pengalaman yang banyak?
- xxii. Tempat pertama sarjan ditugaskan?
- xxiii. Apakah kenangan manis yang sarjan tidak boleh ketika di PDRM?
- xxiv. Apakah kenangan pahit yang tidak dapat dilupakan?
- xxv. Adakah sarjan pernah dikurniakan pingat selama berkhidmat di dalam PDRM?
- xxvi. Senaraikan operasi yang pernah sarjan terlibat?
- xxvii. Seterusnya saya nak masuk berkenaan dengan soalan umum mengenai Ops Wawasan. Boleh sarjan bagitahu bilakah krisis pemerdagangan ini bermula?
- xxviii. Kenapa operasi tersebut dinamakan Ops Wawasan?
- xxix. Berapa bilangan anggota yang ditugaskan menyertai operasi ini?
- xxx. Pasukan ini terdiri daripada berapa inspektor, sarjan dan koperal?
- xxxi. Bagaimanakah aktiviti penyeludupan ini dapat dihidu?

- xxxii. Apakah Negara yang turut terlibat dalam aktiviti pemerdagangan manusia ini?
- xxxiii. Apakah kesan aktiviti ini terhadap Negara berikut?
- xxxiv. Berapakah anggaran jumlah mangsa yang telah terkorban?
- xxxv. Dimanakah lokasi operasi tersebut?
- xxxvi. Apakah jenis kelengkapan polis yang dibekalkan ketika operasi tersebut?
- xxxvii. Apakah persiapan yang dilakukan sebelum menjalankan operasi ini?
- xxxviii. Bagaimanakah sarjan dan anggota lain berangkat ke sana?
- xxxix. Berapa jangka masa operasi ini?
  - xl. Siapakah rakan sepasukan yang paling rapat dalam operasi ini?
  - xli. Apakah reaksi keluarga sarjan semasa mengetahui sarjan ditugaskan untuk menyertai operasi tersebut?
  - xl.ii. Apakah perasaan sarjan ketika sampai di lokasi tersebut?
  - xl.iii. Bagaimanakah keadaan lokasi tersebut?
  - xl.iv. Adakah sarjan dapat bertemu dengan mangsa aktiviti pemerdagangan manusia?
  - xl.v. Siapakah golongan mangsa yang terlibat? Adakah wanita sahaja?
  - xl.vi. Apakah punca utama kematian mangsa?
  - xl.vii. Adakah mereka dibunuh?
  - xl.viii. Adakah pasukan sarjan bertembung dengan pihak pengganas?
  - xl.ix. Apakah yang berlaku ketika pertembungan tersebut?
    - I. Semasa operasi tersebut, adakah sarjan menyaksikan adegan tembak menembak?
    - li. Ada sesiapaakah ahli pasukan sarjan yang tercedera dalam operasi berikut?
    - lii. Apakah bekalan makanan yang dibawa ketika operasi tersebut?
    - lii.iii. Adakah bekalan tersebut mencukupi?
    - li.v. Dimanakah sarjan dan pasukan bermalam?
      - lv. Bagaimanakah tugas dibahagikan pada waktu malam?
      - lv.i. Sepanjang operasi tersebut apakah tekanan yang sarjan rasakan?
      - lv.ii. Apakah bahan bukti yang ditemui di lokasi operasi?
    - lv.iii. Sebagai seorang anggota polis, apakah pandangan sarjan terhadap aktiviti pemerdagangan manusia ini?
    - lv.lix. Adakah sarjan merasakan operasi ini Berjaya?
    - lv.ix. Adakah sarjan rasa bangga terlibat dengan operasi ini?
    - lv.xi. Pada pendapat sarjan adakah kerjaya polis ini menjamin masa depan?
    - lv.xii. Apakah nasihat sarjan kepada anak muda yang berminat atau ingin menyertai PDRM?

**DIARI  
PENYELIDIKAN**

## 9. DIARI PENYELIDIKAN

BIL	TARIKH	PERKARA
1.	7 Mac 2017	Pengenalan kepada subjek sejarah lisan
2.	14 Mac 2017	Pensyarah memberitahu tentang tugas ini boleh dilakukan secara berpasangan (partner). Pensyarah juga ada meminta untuk berbincang serta senaraikan tajuk-tajuk untuk membuat tugas ini seperti mencari seorang tokoh untuk ditemu ramah.
3.	16 Mac 2017	Mencadangkan untuk menemuramah tokoh sejarahwan negeri kedah tetapi ditolak oleh pensyarah kerana sebelum ini sudah ada pelajar yang pergi menerumah beliau
4.	16 Mac 2017	Pemilihan tajuk kertas kerja iaitu memilih seorang tokoh yang merupakan seorang anggota polis yang berpangkat sarjan yang telah menerima pingat BPP (Bentara Pasukan Polis).
5.	23 Mac 2017 – 4 April 2017	Pengumpulan dan pencarian maklumat berkaitan tokoh.
6.	11 April 2017	Mendapatkan nombor telefon Sarjan Rosli Bin Jaafar serta menelefon beliau dan menyatakan tujuan kami untuk membuat sesi temuramah bersama beliau.
7.	12 April 2017	Kami telah menerima maklum balas daripada beliau dan Sarjan Rosli ada memberitahu kami boleh pergi menemu ramah beliau di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah, Alor Setar.
8.	13 April 2017	Kami memberitahu untuk menemu ramah beliau pada 4 Mei 2017
9.	16 April 2017 – 20 April 2017	Menjana soalan untuk ditemubual
10.	4 Mei 2017	Sesi temubual telah diadakan bersama tokoh di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah, Alor Setar.
11.	23 Mei 2017	Pensyarah telah meminta untuk menunjukkan draf temubual yang ditranskrikan
12.	31 Mei 2017 – 28 Jun 2017	Proses mendokumentasikan transkrip temubual bersama tokoh
13.	10 Julai 2017	Pensyarah telah menetapkan tarikh untuk menghantar transkrip dan dikehendaki membuat perbentangan dihadapan panel
14.	10 Julai 2017	Para pelajar dikehendaki menghantar transkrip penuh pada tarikh yang telah ditetapkan.



**GAMBAR**

10. GAMBAR



AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA  
NOR AFIFAH BINTI OMAR  
NURFATIN AFIFA BINTI MOHD NAZAM



